



# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 9403]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) [Ruangan 9443]

Jawatankuasa—

Jadual Pertama—

- Maksud B.26 [Ruangan 9467]
- Maksud B.41 [Ruangan 9482]
- Maksud B.45 [Ruangan 9486]

Jadual Kedua—

- Maksud B.1, B.2 dan B.7 [Ruangan 9446]
- Maksud B.19 [Ruangan 9459]
- Maksud B.21 [Ruangan 9460]
- Maksud B.22 [Ruangan 9465]
- Maksud B.26 [Ruangan 9466]
- Maksud B.28 [Ruangan 9474]
- Maksud B.29 [Ruangan 9479]
- Maksud B.32 dan B.33 [Ruangan 9479]
- Maksud B.36 [Ruangan 9481]
- Maksud B. 37, B.38 dan B.41 [Ruangan 9482]

## KANDUNGANNYA—(samb.)

Maksud B.52 [Ruangan 9490]

Maksud B.55, B.57 dan B.58 [Ruangan 9491]

Maksud B.62 [Ruangan 9493]

Maksud B.63 [Ruangan 9494]

Maksud B.64 [Ruangan 9495]

**Rang Undang-undang Kewangan [Ruangan 9502]**

### USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 9518]**

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1983 [Ruangan 9443]**

#### Jawatankuasa—

Maksud P.7 dan P.9 [Ruangan 9446]

Maksud P.20 [Ruangan 9460]

Maksud P.24 [Ruangan 9466]

Maksud P.27 [Ruangan 9474]

Maksud P.35 [Ruangan 9481]

Maksud P.45 dan P.46 [Ruangan 9486]

Maksud P.51 [Ruangan 9491]

Maksud P.59 [Ruangan 9492]

Maksud P.62 [Ruangan 9494]

Maksud P.64 [Ruangan 9495]

**Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1984 [Ruangan 9443]**

#### Jawatankuasa—

Maksud P.7 [Ruangan 9446]

Maksud P.16 dan P.18 [Ruangan 9455]

Maksud P.19 [Ruangan 9459]

Maksud P.20 [Ruangan 9460]

Maksud P.21 [Ruangan 9460]

Maksud P.22 [Ruangan 9465]

Maksud P.23 dan P.26 [Ruangan 9466]

Maksud P.27 [Ruangan 9467]

Maksud P.28 [Ruangan 9474]

Maksud P.29 [Ruangan 9479]

Maksud P.30 dan P.33 [Ruangan 9479]

Maksud P.35 [Ruangan 9480]

Maksud P.36 [Ruangan 9481]

Maksud P.37, P.38, P.39, P.42 dan P.43 [Ruangan 9482]

Maksud P.46 dan P.47 [Ruangan 9486]

Maksud P.49 [Ruangan 9490]

Maksud P.52 [Ruangan 9490]

Maksud P.53, P.54 dan P.57 [Ruangan 9491]

Maksud P.59, P.60 dan P.61 [Ruangan 9492]

Maksud P.62 [Ruangan 9493]

Maksud P.63 [Ruangan 9494]

Maksud P.64 [Ruangan 9495]

Maksud P.65 [Ruangan 9495]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID.**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K., (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,  
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.  
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.  
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,  
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,  
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,  
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,  
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.  
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.  
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramasamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

Selasa, 4hb Disember, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Dato' Lee Boon Peng.

(*Soalan No. 1 Y.B. Dato' Lee  
Boon Peng tidak hadir*)

RANCANGAN RTM—BELAJAR  
BAHASA MANDARIN DAN  
TAMIL

2. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Penerangan menyatakan, berdasarkan hakikat negara berbilang kaum dan kebolehan bertutur pelbagai bahasa boleh menguntungkan rakyat, mengapa rancangan mempelajari bahasa Mandarin dan Tamil bagi kaum-kaum selain yang menggunakan bahasa-bahasa tersebut khususnya bagi kaum Bumiputera, tidak diadakan menerusi rancangan-rancangan RTM.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan bahawa rancangan mengajar satu-satu bahasa menerusi Radio dan Televisyen pada zahirnya terasa mudah, tetapi amat sukar untuk dilaksanakan dengan betul, dan tersusun mengikut kaedah pengajaran

bahasa. Umpamanya sehingga ke hari ini pengajaran Bahasa Malaysia yang sudah begitu lama dilaksanakan terutama menerusi radio masih lagi menghadapi berbagai masalah.

Dari kacamata Kementerian, soal pelaksanaan pengajaran bahasa menerusi rancangan-rancangan Radio dan Televisyen adalah soal keutamaan. Keutamaan yang paling mendesak ialah meningkatkan pengajaran Bahasa Malaysia supaya seluruh rakyat negara ini dapat bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia yang betul. Inilah adalah projek yang memakan masa panjang. Bahan tugas ini amatlah berat dan buat masa in RTM tiada keupayaan menghadirkan pelajaran bahasa-bahasa lain.

**Tuan Mutang Tagal:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan RTM tidak mempunyai keupayaan untuk mengendalikakan pelajaran bahasa-bahasa lain daripada bahasa rasmi kita, adakah Kerajaan bercadang supaya gelombang-gelombang radio ataupun stesen-stesen baru televisyen dapat ditambah dan diswastakan supaya pihak swasta dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam mengesankan penggunaan dan pelancaran bahasa rasmi dan juga bahasa-bahasa asing yang kita dapati perlu dilaksanakan dalam masa yang akan datang?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, soal menambah stesen-stesen itu memang merupakan tujuan kami pada setiap masa.

## BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR—LAPORAN

3. Tuan Ng Cheng kuai minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada Laporan Pasukan Petugas mengenai krisis baru ini di Bursa Komoditi Kuala Lumpur akan diumumkan.
- (b) sejauh manakah krisis tersebut menjejaskan Bursa Komoditi ini dan merugikannya; dan
- (c) sama ada keyakinan tentang Bursa ini telah pulih.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama, jawapan kepada soalan (a), seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan beberapa syor yang terkandung di dalam Laporan Pasukan Petugas mengenai Bursa Komoditi di Kuala Lumpur atau KLCE, di dalam kenyataan-kenyataan akhbar yang beliau buat dalam beberapa bulan yang lalu.

Jawapan kepada soalan (b), akibat daripada krisis tersebut jumlah perdagangan di pasaran hadapan minyak kelapa sawit KLCE telah merosot daripada purata hairan sebanyak 767 lot pada tahun 1983 kepada purata 15 sehingga 20 lot sehari. Ini dengan nyatanya bermakna kehilangan pendapatan kepada KLCE. Walau bagaimanapun, pasaran tetap KLCE tidak terjejas.

Jawapan kepada soalan (c), keyakinan tentang Bursa Komoditi ini belum boleh dikatakan pulih sepenuhnya seperti sedia kala sebelum krisis itu berlaku.

Segala usaha sedang dijalankan untuk memulihkan semula kepercayaan terhadap KLCE. Ini termasuklah usaha-usaha untuk

meminda dan memperbaiki Perlembagaan dan kaedah-kaedah KLCE, Peraturan-peraturan Kuala Lumpur Commodity Clearing House (KLCCCH) dan Akta Dagangan Komoditi, 1980.

**Tuan Ng Cheng Kuai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa akibat krisis Bursa Komoditi tersebut terdapat beberapa kilang penapis minyak kelapa sawit yang mengalami kerugian besar?

Soalan kedua, mengapakah tindakan segera tidak diambil pada awal-awal lagi untuk membendung krisis itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, sama ada hendak terus menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama atau meminta Timbalan Menteri Perusahaan utama menjawabnya?

**Dato' K. Pathmanaban:** Saya rasa elok beliau menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perusahaan Utama tidak mendapat maklumat oleh disebabkan masalah KLCE ini yang menyebabkan beberapa kilang-kilang kelapa sawit tutup kerana masalah banyaknya kilang-kilang kelapa sawit tutup ini sudah wujud sebelum masalah KLCE ini wujud.

Masalah yang kedua, pihak Kementerian memang cuba seberapa daya daripada awalnya untuk membendung perkara ini supaya masalah ini tidak akan berlarutan tetapi nampaknya sungguhpun usaha-usaha sedang dijalankan keadaan kekusutan itu masih lagi berterusan

dan kita tidak putus asa. Kita mencuba seberapa daya agar kekusutan itu dapat kita betulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

*(Soalan N. 4 Y.B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir)*

**5. Tuan Omar bin Haji Abdullah** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyakkah kilang-kilang papan yang telah terpaksa ditutup akibat kemelesetan ekonomi dunia. Berapa ramai pekerja-pekerja yang terlibat dan apakah tindakan Kementerian untuk memulihkan keadaan pasaran kayu bergergaji dan papan lapis Malaysia.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini telah saya jawab pada 5hb November, 1984 semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

#### **PERSATUAN BEKAS PERAJURIT MALAYSIA**

**6. Tuan Andrew Janggi Muyang** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) jenis-jenis bantuan yang telah dan sedang diberi kepada persatuan-persatuan Bekas Perajurit di seluruh Malaysia;
- (b) bantuan-bantuan kepada anggota-anggota perajurit yang telah cacat dan anak-anak mereka akibat pertempuran, jerangkap samar dan lain-lain semasa menjalankan tugas, dan anggota-anggota yang terkorban kepada balu-baluk; dan
- (c) Berapa jumlah wang kutipan derma daripada orang ramai

tiap-tiap tahun semasa rayuan hari Pahlawan diadakan. Mengapakah yang berjasa terpaksa merayu dan bilakah rayuan ini akan diberhentikan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, jawapan kepada soalan (a), pada dasarnya Kementerian Pertahanan tidak dengan secara langsung memberi bantuan kepada ahli Pasukan Bekas Perajurit Malaysia. Sungguhpun demikian Kementerian Pertahanan mempunyai program-program yang tertentu bagi membantu bekas-bekas perajurit dan di antaranya adalah seperti berikut:

- (1) latihan peralihan;
- (2) pembangunan usahawan;
- (3) khidmat pekerjaan; dan
- (4) penerokaan tanah Rancangan FELDA.

Jawapan kepada soalan (b), Kerajaan memberi bantuan kewangan dan lain-lain jenis bantuan kepada anggota-anggota yang cacat serta keluarga mereka akibat kecederaan semasa bertugas atau dalam operasi berasaskan kepada darjah kecederaan atau, dengan izin, degree of disablement or injury yang disahkan oleh satu Lembaga Perubatan. Faedah yang diperolehi ialah faedah kematian dan faedah hilang upaya atau cacat.

Jawapan kepada soalan (c), oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak menyatakan dari tahun berapa ke tahun berapa kutipan derma tersebut maka agak sukar sedikit untuk diberi angka mengikut tahun-tahun yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Kutipan derma adalah berbeza dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat wang kutipan derma dari orang ramai untuk tahun 1983 ialah sebanyak \$954,750.00.

Tujuan utama kutipan ini dibuat ialah untuk mendapatkan sumbangan kewangan dari orang ramai untuk membantu bekas-bekas perajurit yang cacat, cedera serta yang terkorban kerana mempertahankan negara di samping mengekalkan kewangan dan ingatan rakyat terhadap pengorbanan mereka kepada nusa.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa ramaikah yang terlibat dalam rancangan latihan peralihan dan juga apakah kejayaan skim usahawan yang telah dikatakan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Oleh sebab Yang Berhormat menjawab bagi pihak Menteri Pertahanan, adakah Yang Berhormat perlu notis untuk memberi maklumat kepada Dewan berkenaan dengan angka itu?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang memerlukan notis dan angka-angka ini bolehlah saya minta Yang Berhormat Timbalan Pertahanan memberikan kepada Ahli Yang Berhormat.

#### DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL KERAJAAN

7. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Kesihatan menyatakan sampai bilakah Kerajaan harus menghadapi kekurangan doktor-doktor pakar di hospital-hospital Kerajaan. Adakah Kerajaan bercadang bagi mendapatkan perkhidmatan doktor-doktor pakar swasta pada masa-masa tertentu di hospital-hospital Kerajaan. Jika ya, apakah peraturan-peraturan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan dan jika tidak, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi dan jika tidak, apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi kekurangan doktor-doktor pakar ini.

**Dato' K. Pathmanaban:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, banyak soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini all-rounder agaknya (*Ketawa*).

**Dato' K. Pathmanaban:** Hari ini Dewan Negara pun bersidang, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, ini tersilap sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa terdapat 329 doktor-doktor pakar di dalam perkhidmatan Kerajaan pada 15hb September, 1984. Kedudukan pakar-pakar di dalam beberapa bidang utama seperti perubatan, pembedahan, perbidanan dan sakit puan adalah memuaskan.

Walau bagaimanapun, terdapat kekurangan pakar-pakar di dalam bidang-bidang lain seperti bius, radiology, telinga, hidung dan tekak (ENT), perubatan jua dan lain-lain.

Keadaan kekurangan pakar-pakar di dalam disiplin yang tidak popular ini dijangka akan berlanjutan kepada beberapa tahun yang akan datang memandangkan keengganan pegawai-pegawai perubatan untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan di dalam disiplin-disiplin tersebut serta perletakan jawatan oleh pakar-pakar berkenaan dari perkhidmatan Kerajaan. Pihak Kerajaan telah meluluskan perlantikan pakar-pakar bius swasta, dengan izin, on a sessional basis di hospital-hospital Kerajaan bagi mengatasi masalah kekurangan pakar-pakar dalam bidang-bidang ini. Buat masa ini tindakan sedang diambil untuk melantik mereka.

Tindakan juga sedang diambil untuk mendapatkan kelulusan yang sama bagi pakar-pakar swasta dalam disiplin-disiplin yang lain di mana

terdapat kekurangan pakar yang lebih acute, dengan izin, Tindakan juga sedang diambil untuk mendapatkan pakar-pakar yang sesuai dari negara-negara yang lain secara kontrak.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan telah menerangkan bahawa sehingga September, 1984 pakar-pakar pembedahan, perbidanan dan sakit puan adalah memuaskan. Saya ingin bertanya apakah yang dimaksudkan dengan "memuaskan" itu, adakah bermakna pihak Kerajaan merasa cukup tentang keperluan doktor-doktor pakar di seluruh rumah sakit khususnya Rumah Sakit Daerah di seluruh negara dan sekiranya sudah mencukupi bilangan doktor pakar khususnya berkenaan dengan perbidanan akan dihantar ke setiap Rumah Sakit Daerah di seluruh negara.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, apabila saya mengatakan keadaan pada masa ini adalah memuaskan, tidak bermakna bahawa semua jawatan yang kita nyatakan itu telah pun diisi tetapi keadaan kekosongan itu tidak merunsingkan. Dan mengenai penempatan pakar-pakar dalam bidang perbidanan dan sakitpuan di Hospital-hospital Daerah, ini adalah tertakluk kepada dasar yang kita amalkan pada masa ini di mana kita tidak mempunyai rancangan untuk menempatkan di semua Hospital Daerah pakar-pakar dalam bidang ini ataupun dalam bidang-bidang yang lain melainkan Hospital-hospital Daerah yang lebih besar sedikit. Jadi, saya harap keadaan ini adalah jelas.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kekurangan doktor-doktor pakar di rumah sakit Kerajaan satu daripada sebabnya oleh

kerana dari segi gaji doktor-doktor di rumah sakit Kerajaan ini lebih rendah daripada gaji doktor pakar di rumah sakit swasta dan jika sedar, adakah pihak Kementerian Kesihatan akan mengkaji tentang gaji-gaji doktor pakar dari masa ke semasa?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang-bidang kepakaran yang saya sebutkan sebagai satu yang acute di perkhidmatan Kerajaan iaitu bius, radiology dan sebagainya, saya rasa perbekalan pakar-pakar itu di seluruh sistem perubatan negara kita termasuk sektor swasta adalah satu yang terus terhad. Umpamanya dalam bidang ENT, saya rasa tidak lebih daripada satu dozen orang pakar di negara kita walaupun kita melatih beberapa orang di peringkat universiti dan sebagainya. Jadi, kekurangan yang dihadapi dalam perkhidmatan Kerajaan dalam perkara ini adalah satu kekurangan am dan bukan satu kekurangan di sektor Kerajaan sahaja.

Mengenai apakah yang membawa kepada keadaan di mana kita menghadapi kekurangan doktor-doktor, selain daripada bidang-bidang di mana kita dapati kekurangan am, memanglah benar bahawa pendapatan pakar-pakar perubatan di sektor swasta dalam perniagaan sendiri adalah lebih menarik daripada Kerajaan. Dalam perkara ini kita telah pada tahun lalu sahaja mengkaji semula elaun-elaun yang baru dan perkara ini adalah sentiasa dalam pengawasan Kementerian.

**Tuan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kekurangan doktor pakar dalam negara kita ini walaupun mengikut jawapan Timbalan Menteri tadi tidak serius sangat, tetapi pada hakikatnya adalah merupakan satu kekurangan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah lanjut bagi mengatasi

kekurangan doktor pakar ini memandangkan kepada bahawa setiap doktor pakar apabila sudah mempunyai pengalaman yang banyak, mereka keluar membuka klinik mereka sendiri dan kerana itu adalah sukar bagi mengatasi masalah-masalah kekurangan doktor pakar ini yang mana menyebabkan hanya orang-orang kaya sahaja yang mendapat rawatan daripada doktor pakar, sedangkan orang-orang miskin yang menunggu untuk rawatan doktor pakar biasanya tidak mendapat layanan yang baik disebabkan oleh kekurangan ini. Apakah Yang Berhormat cadangkan supaya perkhidmatan doktor pakar ini dapat sama dirasakan oleh orang-orang miskin dalam negara-negara ini yang sebahagian besarnya adalah terdiri daripada petani-petani dan sebagainya yang begitu miskin yang tidak mampu mendapat rawatan daripada doktor pakar swasta?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah saya rasa dalam session ini juga di Dewan yang mulia ini menjawab dengan panjang lebar mengenai langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai lagi pakar-pakar perubatan kekal dalam perkhidmatan Kerajaan atau mewujudkan pakar-pakar yang baru. Tetapi untuk menjawab satu lagi aspek yang dihujahkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu, hujah beliau bahawa orang miskin di negara kita tidak dapat menikmati perkhidmatan rawatan yang cukup kerana pakar-pakar ini adalah kekurangan, perkara itu adalah tidak benar dan tidak berasas. Di negara kita seperti saya jawab tadi, kita mempunyai dalam sistem Kerajaan pada masa ini lebih kurang 329 doktor-doktor pakar dan mereka ini adalah di merata negara khususnya di hospital-hospital besar di semua negeri. Dan kita dapat memberi jaminan bahawa jika seorang sebenar-benarnya memerlukan

rawatan daripada pakar dalam bidang-bidang yang tertentu, kita dapat merujuk pesakit itu kepada klinik pakar di dalam sistem Kerajaan kita. Saya dapat mengatakan bahawa jika kita membandingkan rawatan dan mutu rawatan yang diberi kepada orang yang berpendapatan rendah, khususnya mereka yang miskin sekali, dengan negara-negara yang lain, saya rasa mutu rawatan yang diberi kepada orang ramai di Malaysia adalah cukup tinggi dan access, dengan izin, orang ramai kepada doktor-doktor pakar adalah lebih senang di negara Malaysia daripada negara-negara yang lain.

### KAWASAN ASIA PASIFIK SEBAGAI ZON BEBAS NUKLEAR

**8. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada telah menjadi dasar ASEAN untuk menjadikan kawasan Asia Pasifik sebagai zon bebas nuklear yang melarang usaha carigali, pengeluaran dan perdagangan semua bahan-bahan nuklear serta juga mengharamkan pengujian nuklear dan laluan kapal-kapal yang berpandukan kuasa nuklear; jika ya, sila beri butir-butir lanjut.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin menjelaskan di sini bahawa tidaklah menjadi dasar ASEAN untuk menjadikan kawasan Asia Pasifik, satu kawasan yang lebih besar daripada Tenggara Asia, sebagai zon bebas nuklear.

Namun begitu, ASEAN telah pun menyarankan konsep zon bebas dari senjata-senjata nuklear atau 'Nuclear Weapon Free Zone', dengan izin, bagi kawasan Tenggara Asia sahaja sebagai satu usaha ke arah pencapaian matlamat Zon Bebas, Aman dan Berkecuali (ZOPFAN) di rantau ini. Buat masa ini kajian-kajian yang lebih

mendalam sedang dibuat untuk menghalusi lagi cadangan ini dan menentukan prinsip-prinsip yang berkaitan dengan Zon Bebas dari senjata-senjata nuklear yang dicadangkan itu.

### SUBSIDI HARGA PADI

**9. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa masih terdapat golongan atau agent-agent kecil yang tidak rasmi wujud di kampung-kampung bagi menjalankan kegiatan menukarkan beras dengan padi; bagi tujuan mendapat subsidi harga padi dari Kerajaan. Akibatnya kilang-kilang padi kepunyaan syarikat-syarikat kerjasama dan Pertubuhan Peladang Kawasan telah tidak dapat beroperasi lagi. Apakah pihak Kementerian bercadang mengeluarkan lesen membeli padi dan mengilang sendiri kepada kilang-kilang tersebut sebagaimana kilang-kilang padi kepunyaan LPN atau yang telah diberi lesen berbuat demikian oleh LPN.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar ada wujudnya agen-agen kecil yang tidak rasmi di kampung-kampung yang menjalankan kegiatan menukarkan beras dengan padi. Walaupun apa yang dapat dipastikan, kegiatan ini bukan bertujuan bagi mendapatkan subsidi. Mereka adalah memberi kemudahan kisan padi untuk petani-petani yang ingin mendapat bekalan beras untuk kegunaan sendiri.

Mengenai pelesenan kilang-kilang padi Syarikat Kerjasama dan Pertubuhan Peladang, ianya adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Melesen Kilang Padi yang telah dikuatkuasakan oleh LPN pada 1hb Jun, 1984. Setiap kilang padi perlu

membuat permohonan untuk mendapatkan lesen tersebut kepada Jawatankuasa Pelesenan Kilang Padi di negeri masing-masing.

### GURU-GURU—PELUANG KENAIKAN PANGKAT

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan jawatan-jawatan baru, bagi menambah peluang-peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru di sekolah-sekolah dan jabatan-jabatan pelajaran. Jika ada, nyatakan jenis-jenis jawatan akan diwujudkan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang sentiasa berusaha tidak memperbaiki kedudukan guru-guru dalam semua kategori dengan mengadakan peluang kenaikan pangkat bagi mereka. Langkah-langkah untuk memberi peluang kenaikan pangkat telahpun dan sedang diambil oleh kementerian Pelajaran. Di antaranya ialah:

- (1) Mengkaji dari masa ke semasa organisasi Jabatan-jabatan serta Bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran dengan tujuan untuk menambahkan jawatan-jawatan naik pangkat sepertimana telah dilakukan semasa urusan-urusan penyusunan semula Jabatan Pelajaran Negeri dan penubuhan Pejabat Pelajaran Daerah.
- (2) Mewujudkan jawatan-jawatan naik pangkat semasa pemeriksaan Anggaran Belanjawan Tahunan terutamanya melalui penggredian sekolah pada tiap-tiap tahun.

- (3) Kementerian Pelajaran juga sedang mengkaji masalah-masalah berkaitan dengan Skim Perkhidmatan Pegawai, Perkhidmatan Pelajaran dengan tujuan untuk mengemas dan memperbaiki lagi kedudukan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran secara keseluruhannya.
- (4) Jawatan-jawatan yang telah akan diwujudkan ialah jawatan-jawatan seperti Guru Besar untuk sekolah, pegawai-pegawai yang mengetuai sesuatu Unit Bahagian di Jabatan Pelajaran, misalnya Ketua Penolong Pengarah.

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sedar bahawa masih terdapat sekolah-sekolah mission ataupun khasnya guru-guru besar di sekolah mission apabila hendak dinaikkan pangkat scope mereka adalah terhad? Jadi, sejauh manakah langkah Kementerian untuk membuka supaya sekolah-sekolah mission ini juga akan dipertimbangkan sekali dengan guru-guru besar sekolah lain?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, apabila seorang itu hendak dinaikkan pangkatnya boleh dikatakan bergantung kepada beberapa syarat seperti kecekapan, kekananan, perakuan ketua bahagian dan sekiranya ada jawatan kosong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta duduk sebentar. Yang Berhormat dari Parit Buntar, adakah itu soalan Yang Berhormat?

**Tuan Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya secara ringkas dan jelas.

**Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman:** Soalannya ialah sekolah-sekolah mission (missionary school) guru-guru besarnya adalah terhad di mana dari segi kenaikan pangkat ditimbang berasingan dengan sekolah-sekolah yang lain, adakah akan diselaraskan supaya pertimbangan dari segi kenaikan pangkat disekalikan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Apakah pula caranya kenaikan pangkat guru-guru besar mission school ditimbangkan, adakah sama dan jika berlainan bagaimana berlainannya?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, guru besar di mission school adalah berbeza dengan sekolah biasa. Oleh kerana itu kalau Yang Berhormat berminat dengan perkara itu saya boleh memberi satu jawapan bertulis.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, 4 cara yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi mengenai kenaikan pangkat bagi pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran semua kategori baik kategori D.1, T.1, C1 dan C.2, saya rasa masih lagi kecil. Jadi, soalannya yang pertama, adakah Kementerian Pelajaran ini sedar bahawa terdapat guru-guru kategori D.1 yang sudah berkhidmat lebih 10 tahun masih lagi sehingga ini dalam skim biasa (timescale). Kalau sedar, adakah Kerajaan akan mewujudkan peluang naik pangkat di sekolah-sekolah supaya jawatan Penolong Kanan sekolah itu dua, satu, Penolong Kanan Akademik dan satu lagi Penolong Kanan Non-Academic bagi membanyakkan peluang-peluang naik pangkat bagi guru-guru D.1 ini supaya mereka tidak letak jawatan.

Yang keduanya, adakah Kerajaan sedar bahawa guru-guru T.1 yang memiliki sijil diploma. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat biarlah yang dua itu dahulu.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Satu itu dahulu jawab.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila tanya semula dengan ringkas dan dengan jelas Yang Berhormat.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Guru D.1 sudah berkhidmat 10 tahun lebih masih lagi timescale. Jadi, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan dua jawatan Penolong Kanan di sekolah iaitu Penolong Kanan (Senior Assistant) Bahagian Academic dan yang keduanya, Senior Assistant Non-Academic. Jadi, banyak peluang bagi guru-guru hendak naik pangkat.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, kita sedar perkara itu dan perkara itu akan ditimbang.

**Tuan Khadri bin Sabran:** (*Bangun*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Soalan No. 2 iaitu berkenaan guru-guru T.1. Guru T.1 ini guru-guru yang memiliki Diploma, misalnya, daripada Universiti Pertanian, ITM dan Universiti Teknologi yang ditugaskan untuk mengajar di sekolah-sekolah. Dalam skim kenaikan pangkat bagi guru-guru T.1 ini tidak ada peluang langsung naik pangkat baik untuk memegang jawatan guru besar tidak ada langsung, hendak pegang jawatan Guru Besar sekolah menengah gred A, D.1; sekolah menengah gred B, D.1; sekolah menengah gred C, C.1; T.1 langsung tidak ada peluang hendak naik pangkat. Jadi, macam mana cara Kerajaan untuk memberi peluang kepada guru T.1 ini supaya mereka juga berpeluang hendak naik pangkat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya rasa soalan itu terlalu susah hendak menjawab tanpa notis. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu notis?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Saya minta notis, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab banyak skim-skim gaji T.1, D.1, D2, C1 saya pun tidak faham Yang Berhormat.

**Datin Paduka Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran tadi mengatakan ada beberapa rancangan yang sedang dibuat untuk mengkaji peluang-peluang bagi kenaikan pangkat pada guru-guru, adakah Kementerian Pelajaran bercadang mengkaji keberkesanan dan menilai prestasi Pejabat Pelajaran Daerah yang usianya sangat muda itu.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, memang ada rancangan perkembangan urusan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Justine anak Temenggong Jinggut.

(*Soalan No. 11 Y.B. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut tidak hadir*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(*Soalan No.12 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir*).

#### PASAR RAYA DI BADAR-BANDAR KECIL

**13. Dato' Haji Saidin bin Mat Piah** minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan sedar dengan pertumbuhan yang pesat Pasar Raya (Supermarket) di bandar-bandar besar dan kecil di negara ini telah melumpuhkan peluang atau menyekat pertumbuhan peniaga-peniaga kecil di negara ini; dan
- (b) jika benar, adakah Kerajaan akan menghadkan pertumbuhan Pasar Raya itu di bandar-bandar besar sahaja supaya peniaga-peniaga kecil di bandar-bandar kecil dapat berkembang dengan jayanya. Jika tidak, mengapa.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Lesen Premis untuk menjalankan Pasar Raya adalah dikeluarkan oleh Penguasa-penguasa Tempatan mengikut kuasa-kuasa yang ada pada mereka. Kerajaan sedar bahawa pengujudan dan pertumbuhan pesat Pasar Raya (Supermarket) sedikit sebanyak menyekat pertumbuhan peniaga-peniaga kecil. Keadaan ini adalah satu keadaan yang biasa berlaku dalam sistem ekonomi terbuka seperti negara kita, dalam mana pengujudan satu 'Establishment' yang baru akan memberi saingan kepada 'establishment' yang sedia ada sama ada kecil atau besar. Yang penting Kerajaan awasi ialah bukan sama ada 'establishment' itu kecil atau besar tetapi ialah sama ada 'establishment' itu menjalankan kegiatannya mengikut lunas-lunas undang-undang yang ada dan tidak pula bertentangan dengan kepentingan pengguna-pengguna.

Tuan yang di-Pertua, Pasar Raya (Supermarket) pada hakikatnya ialah kedai runcit yang ditadbirkan untuk memberi keselesaan maksima kepada

penghujung-penghujungnya. Ia ujud kerana ada pembeli-pembeli yang lebih gemar dilayan dan berbelanja dengan cara ini. Begitu juga halnya dengan kedai-kedai runcit biasa atau tradisional. Ia wujud kerana ada pembeli yang masih gemar dan lebih senang dilayan oleh pekedai-pekedai secara peribadi. Oleh itu, saya berpendapat tidak perlu Kerajaan menyekat pertumbuhan Pasar Raya ini. Sama ada Pasar Raya atau kedai-kedai kecil akan terus wujud akan terserah kepada selera pengguna-pengguna atau pembeli-pembeli. Pengusaha-pengusaha yang ingin menjalankan satu-satu perniagaan perlulah menyedari dan memahami selera dan perubahan selera pembeli jika mereka ingin terus dilangani. Pasar Raya-Pasar Raya ini sendiri belum tentu dapat bertahan dengan lama kerana teknik pengedaran barang-barang kepada pengguna-pengguna berubah dengan pesatnya. Pada jangka waktu yang singkat mungkin wujud pula 'Hypermarkets' dan pasar raya bergerak untuk menampung kehendak pengguna-pengguna.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian, adakah Yang Berhormat Mulia sedar bahawa dengan adanya penubuhan Supermarket Kimisawa daripada kontraktor-kontraktor Jepun sedikit sebanyak telah menjejaskan supermarket dan juga mini-market yang ada dalam negeri ini.

Yang kedua, apakah untungnya kita dengan adanya Kimisawa itu dari segi tukaran wang asing yang sudah tentu rasanya; apakah ini boleh menguntungkan kita dari segi tukaran wang asing dengan kesemua barang-barang yang dijualnya adalah diimport daripada negeri Jepun?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, dengan izin, saya tidak akan menumpukan ke atas kes supermarket yang didirikan di Kuala Lumpur ini, tetapi memadai saya memberi penjelasan bahawa itu merupakan satu contoh di mana kita berharap pihak peniaga di negara ini akan dapat mempelajari teknik-teknik bagaimana menguruskan pasar raya seperti yang dijalankan oleh pasar raya yang dibangkitkan itu.

Kita sedar bahawa apabila tertubuhnya supermarket seumpama ini, ia sudah tentu akan menjejaskan bukan sahaja peniaga-peniaga runcit tetapi juga supermarket yang lain sekiranya supermarket yang sedia ada tidak ada persaingan dengan supermarket yang baru diperkenalkan itu. Kita juga sedar bahawa pengimportan barang-barang dari luar negeri sudah tentu merugikan kita, tetapi oleh kerana ini merupakan satu kes untuk dijadikan contoh supaya dapat ditiru dan diteladani oleh pengusaha-pengusaha lain, maka kita fikir bolehlah kita benarkan setakat ini.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan yang tidak begitu penting, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri iaitu sudahkah Kerajaan dapat melaksanakan dengan sepenuh dan berkesannya mencegah sebarang amalan yang tidak sihat yang pernah dilakukan oleh supermarkets ini iaitu seperti menawarkan harga murah dengan iklan harga murah tetapi sebenarnya harga itu masih juga lagi tidak murah dengan cara menipulasi harga dan sebagainya, kerana perkara ini menjadi satu masalah pada masa yang lepas. Bagaimana keadaan sekarang?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, penipuan ini menjadi adat zaman moden. susah

hendak kawal sekiranya tidak ada laporan yang tepat dengan bukti-bukti yang boleh kita bertindak, maka sukar kita hendak mengambil tindakan yang wajar. Walau bagaimanapun, terdapat pada masa ini kurang sedikit penipuan seperti yang pernah berlaku itu.

#### DASAR EKONOMI BARU— PERANAN UNIVERSITI

**14. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Pelajaran menyatakan bahawa semua universiti di negara ini dibiayai oleh rakyat dan ia adalah hak rakyat. Apakah peranan universiti-universiti di negara ini dalam konteks Pembangunan Desa sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru. Dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengubahsuai struktur dan pengurusan institusi yang bertambah kompleks itu bagi membolehkan menunaikan peranannya.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, memang benar semua universiti di negara ini dibiayai oleh sumber-sumber kewangan rakyat. Universiti adalah merupakan pusat pengajian tinggi yang mengajar berbagai-bagai ilmu pengetahuan untuk meningkatkan rakyat generasi muda dari berbagai lapisan dalam berbagai bidang. Dalam perspektif ini, universiti-universiti di negara ini telah pun dapat dan akan terus mengeluarkan graduan-graduan yang dapat mengisi keperluan guna tenaga bagi pembangunan negara selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Pada masa ini Kementerian saya merasakan struktur dan pengurusan universiti-universiti tempatan adalah sesuai dan berkesan untuk mengeluarkan graduan-graduan dalam berbagai bidang yang diperlukan untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu pihak Kementerian tidak bercadang untuk

mengubah struktur tersebut pada masa ini.

### TARAF KEHIDUPAN KAUM IBAN DI SARAWAK

**15. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada taraf kehidupan orang-orang Iban di negeri Sarawak telah diperbaiki, apakah kadar kemiskinan kaum tersebut antara tahun ini berbanding dengan tahun 1982, tahun 1983 masing-masing. Kalau tidak, apa sebabnya.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, taraf hidup di kalangan kaum Iban di negeri Sarawak telah bertambah baik. Seperti yang dinyatakan dalam dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, kadar kemiskinan di kalangan kaum Iban pada tahun 1982 hanya 48.7%. Ini adalah jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kadar kemiskinan di kalangan kaum tersebut pada tahun 1979 yang terbukti dalam penyiasatan pendapatan isi rumah tahun 1980 iaitu sebanyak 68.4%. Pengurangan kadar kemiskinan ini dapat dijadikan ukuran untuk melihat peningkatan taraf hidup sesuatu kaum itu.

Taraf hidup di kalangan kaum Iban yang adalah berjumlah hampir 40% penduduk Sarawak dan juga seluruh penduduk di negeri Sarawak dijangka akan bertambah baik pada tahun-tahun seterusnya dengan pelaksanaan berbagai program dan projek membasmi kemiskinan di Sarawak. Program-program dan projek-projek ini termasuk pemberian subsidi dan kredit, penyediaan kemudahan parit dan taliair, pemberian khidmat perkembangan dan pemasaran serta pembangunan tanah baru dan penempatan peneroka-peneroka.

Di samping itu Kerajaan akan terus menambahkan perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti pelajaran, kesihatan, jalan-jalan, bekalan air dan elektrik serta perumahan bagi meningkatkan lagi taraf hidup penduduk negeri Sarawak keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ingin menekankan bahawa peningkatan daya pengeluaran hendaklah diiringi dengan daya usaha sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan dari pihak Kerajaan.

Di samping itu, ekonomi negeri Sarawak akan diberi galakan untuk terus berkembang oleh kerana melalui pertumbuhan maka kemiskinan dapat dikurangkan. Kaum petani di kawasan luar bandar seharusnya diserapkan ke dalam sektor-sektor moden yang mempunyai daya pengeluaran yang tinggi.

### TAPAK PERKUBURAN BAGI ORANG BUKAN ISLAM

**16. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) jumlah tapak yang dikhaskan untuk perkuburan orang-orang bukan Islam;
- (b) jumlah tempat yang dikenalpasti dan ditetapkan sebagai tapak untuk pembinaan kuil-kuil India dan Cina serta gereja-gereja Kristian di Wilayah Persekutuan di bawah Pelan Induk Kuala Lumpur yang disemak baru-baru ini dengan memberikan butir-butir lanjut; jika tidak, mengapa.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, di Wilayah Persekutuan pada masa ini terdapat

sebanyak 23 tapak perkuburan yang dikhaskan kepada orang-orang bukan Islam dengan keluasan seluas 558.638 ekar.

Daripada kajian yang dibuat, adalah dianggarkan keperluan tanah perkuburan bagi orang-orang bukan Islam dari tahun 1980-2000 adalah

sepertimana yang saya sebutkan bagi keadaan pada masa ini (1980-1984) yang sedia ada ialah sebanyak 558.63 ekar. Bagi tahun 1985 dianggarkan keperluan tanah perkuburan bagi orang-orang bukan Islam ialah sebanyak 566.67 ekar. Bagi tahun 1990 sebanyak 574.69 ekar dan bagi tahun 2000 sebanyak 595.20 ekar.

Berkenaan dengan tempat-tempat ibadat pula (kuil, gereja, tokong dan lain-lain), dalam Pelan Struktur Kuala Lumpur telah pun dikenal pasti keperluan tanah bagi tujuan kegunaan tempat-tempat ibadat untuk orang-orang bukan Islam dari tahun 1980-2000 adalah seperti berikut:

	1980-1984	1985	1990	1995	2000
Tempat Ibadat Bukan Islam . . . .	59	128	155	185	220

(Semua angka-angka unjuran ini adalah bersifat kumulatif).

Penentuan tapak-tapak perkuburan dan tempat-tempat ibadat untuk orang-orang Islam dan bukan Islam secara terperinci akan dikaji pada peringkat Pelan Tempatan Kuala Lumpur yang pada masa ini adalah di dalam proses penyediaan. Apabila Pelan Tempatan dapat disediakan, barulah keperluan secara terperinci disediakan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai soalan ini. Adakah Kerajaan, khususnya Kementerian Wilayah Persekutuan, akan membuat suatu peraturan bagi menghadkan keluasan bagi tiap-tiap satu kubur orang-orang bukan Islam kepada lebih kurang tiap-tiap seorang itu 4' x 8' sahaja; tidak sepertimana sekarang ini tiap-tiap seorang mayat terutamanya . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, memadamkan soalan telah dikemukakan iaitu adakah Kerajaan bercadang untuk menghadkan keluasan tanah perkuburan bagi tiap-tiap seorang.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Kepada 4' x 8' sahaja, tidak lebih daripada itu, misalnya 12' x 12'.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya itu merupakan satu perkara yang menjadi masalah kepada segala perancangan dan unjuran yang hendak dibuat ketika Kerajaan menyediakan Pelan Struktur bagi Kuala Lumpur oleh kerana kita tidak dapat mengenal pasti apakah sebenarnya keperluan tanah perkuburan orang-orang bukan Islam mengikut kebiasaannya ataupun mengikut keperluan sebenarnya kepada saiz kubur masing-masing. Oleh kerana kita tidak dapat menentukan apakah saiz kubur yang diperlukan bagi orang-orang bukan Islam, maka unjuran-unjuran yang hendak dibuat tentang keperluan tanah pekuburan itu menghadapi masalah yang tersebut.

Bagaimanapun kita telah mengambil satu jalan yang sementara iaitu kita juga telah berdasarkan perkiraan kita kepada keperluan tanah, keperluan saiz kubur yang digunakan untuk tanah perkuburan bagi orang-orang Islam. Bagi tanah kubur orang-orang Islam kita telah menimbangkan tiga jenis iaitu satu yang berukuran empat setengah kaki kali lapan setengah kaki; jenis kedua ialah enam kaki kali sembilan kaki dan jenis ketiga ialah sembilan kaki kali tiga belas kaki. Tetapi memandangkan

kepada keadaan dan kedudukan tanah pada keseluruhannya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini, maka kita telah membuat keputusan untuk memilih jenis kedua iaitu enam kaki kali sembilan kaki bagi orang-orang Islam dan bermaknalah dengan campuran 10% satu ekar tanah boleh memuatkan sebanyak 733.3 kubur ataupun 730 kubur dalam satu ekar tanah.

Untuk tujuan perancangan kita, kita telah menggunakan ukuran yang sama, jenis saiz kubur yang sama bagi orang yang bukan Islam dan mulalah berasaskan kepada itu dibuat perancangan tentang keperluan tanah yang diperlukan bagi perkuburan orang-orang bukan Islam.

Selain daripada itu kita juga tidak mendapat data tentang kadar kematian bagi orang-orang yang bukan Islam dari segi keagamaan mereka masing-masing dan secara langsung ini juga telah merumitkan perkiraan ataupun perancangan pihak Kementerian tentang keperluan kubur bagi orang-orang yang bukan beragama Islam. Bagaimanapun seperti mana saya katakan dari segi perancangan, untuk memudahkan perancangan pihak Kementerian, kita menggunakan keperluan kubur enam kali sembilan kaki sebagai standard saiz kepada semua tetapi bagi jenis-jenis tanah perkuburan yang ditadbirkan bukan oleh pihak Kerajaan, saya rasa mungkin ada arrangement ataupun perhitungan yang lain yang boleh meluaskan kawasan perkuburan masing-masing atau saiz kubur masing-masing mengikut perhitungan-perhitungan yang tertentu. Tetapi bagaimanapun perkara ini ialah satu perkara yang perlu kerana suka tak suka kita tidak boleh rancang hanya untuk orang-orang yang hidup sahaja tetapi juga perlu merancang untuk orang yang akan mati kerana yang hidup itu akan mati dan oleh sebab itu perancangan

kita sedia mengambil kira bahawa adanya keperluan tanah kubur untuk orang Islam dan juga untuk orang bukan Islam.

Dari segi soal menghadkannya, saya rasa itu terpulang kepada badan-badan yang mentadbirkan tanah-tanah perkuburan yang berkenaan kerana ini merupakan keperluan masing-masing dan haruslah mereka yang mentadbirkan tanah-tanah kubur itu mengambil kira bahawa tanah di Wilayah Persekutuan ini juga terhad dan perlulah kadang-kadang kala kalau kita hendak menentukan bahawa segala kemudahan asas disediakan bahawa perlu kita sesuaikan kubur kita juga. Kalau kita terpaksa menyesuaikan saiz rumah kita dengan keadaan tanah maka sudah sampai bagi kita menyesuaikan saiz kubur kita dengan keadaan tanah pada keseluruhannya.

#### AKTIVITI ANASIR KOMUNIS

**17. Tuan V. Govindaraj:** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah dengan kedudukan serta aktiviti-aktiviti anasir-anasir komunis di negara kita pada ketika ini, sama ada aktiviti-aktiviti mereka sedang berkurangan atau sedang bertambah.

**Timbalan Menteri dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat tersebut, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa keselamatan negara pada masa ini adalah terkawal. Kerajaan telah berjaya membandung dan melemahkan apa jua tindakan kegiatan dan ancaman dari komunis sama ada bercorak milikan atau subversif. Sungguhpun demikian, ini bukanlah bermakna negara kita telah bersih sama sekali dari ancaman penganas-penganas komunis atas anasir-anasir subversif. Kerajaan sentiasa berwaspada terhadap

ancaman dan taktik atau strategi anasir-anasir subversif dan komunis. Oleh yang demikian Kerajaan sentiasa meningkatkan usaha-usaha untuk membanteras terus menerus apa jua bentuk ancaman demi untuk kepentingan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai dinyatakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi bahawa negara kita belum lagi boleh dikatakan bersih dari subversif dan komunis. Pihak parti Pembangkang terutama DAP tidak pernah mengutuk komunis dalam Dewan dan di luar Dewan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bangkangan yang diluahkan oleh parti Pembangkang ini selalunya menghentam Kerajaan seimbis, selaras dan selari dengan idea radio suara bebas dari komunis itu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tiada kaitan, saya tidak membenarkan.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di segi aktiviti-aktiviti anasir-anasir komunis di negara kita ini, buat masa ini adakah anasir-anasir komunis ini ada meresapi ke dalam badan-badan atau kesatuan-kesatuan yang berdaftar atau juga ke dalam badan-badan parti politik yang tertentu khususnya parti-parti Pembangkang? Berapa banyakkah tangkapan-tangkapan yang telah dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri sehingga akhir 1983 yang lalu?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh menjawab soalan itu tetapi keluarkan konteks khasnya parti Pembangkang. Adakah anasir-anasir ini telah meresapi badan-badan, pertubuhan-pertubuhan tertentu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf, kerana buat sekarang ini tidak terdapat bukti dan saya tidak dapatlah menjawab soalan Yang Berhormat itu dengan tepat—bukti yang mengatakan ada anasir-anasir komunis ataupun subversif yang menyerapi parti-parti Pembangkang.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu adakah serius keadaannya sekarang di mana pihak komunis cuba mempengaruhi dan menyusupi di kalangan orang-orang Islam sendiri supaya perjuangan mereka itu disokong oleh orang-orang Islam di negara ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan ancaman komunis terkawal tetapi sebagaimana yang saya terangkan tadi Kerajaan seterusnya masih waspada dan kita mengetahui bahawa strategi komunis sekarang ini adalah untuk menekankan peri mustahaknya mempengaruhi masyarakat Melayu yang mana mereka adalah beragama Islam kerana Parti Komunis Malaya telah sedar bahawa tanpa sokongan masyarakat Melayu ianya tidak dapat mungkin mencapai matlamat revolusionernya.

Dalam hubungan ini seperti mana yang dijelaskan dalam Kertas Putih bahawa ia telah menubuhkan sebuah organisasi yang dipanggil Parti Persaudaraan Islam dan baru-baru ini juga telah pun diumumkan penubuhan sebuah Parti Kebangsaan Melayu Revolusioner Malaya. Organisasi kedua-dua ini digunakan dengan seluas-luasnya menyebarkan risalah-risalah propaganda komunis yang mengeksploitasikan isu-isu agama demi untuk mendapat sokongan mereka—mereka juga menggunakan isu-isu agama demi kepentingan

mereka sendiri dan saya percaya jika keadaan ini dibiarkan berlaku, pihak komunislah yang mendapat keuntungan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa keselamatan negara kita ini terjamin. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa ramaikah jumlah anggota anasir-anasir komunis yang sedang bergerak cergas di dalam negara kita ini.

Soalan yang kedua, adakah mereka ini semuanya terdiri daripada rakyat di negara kita Malaysia ataupun terdapat rakyat-rakyat daripada negara-negara lain yang sama-sama bergerak di dalam kegiatan subversif di dalam negara kita ini?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis untuk menjawab soalan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sudah banyak soalan tambahan, Yang Berhormat; saya agak kita teruskan.

#### CIVIL LAW ACT 1984— PENANGGUHAN

**18. Tuan Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sungguhpun Civil Law Act 1984, telah diwartakan, sama ada beliau akan menangguhkan buat sementara waktu tarikh penguatkuasaan undang-undang ini memandangkan ujudnya bantahan hebat dari pihak-pihak yang tertentu agar Kementerianya akan dapat membetulkan bahagian-bahagian undang-undang ini jika didapati kurang memuaskan.

**Datuk Dr James P. Ongkili:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang sama telah pun saya beri semasa menjawab soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 26hb Oktober, 1984 dan Ahli Yang Berhormat dari

Silam pada 7hb November, 1984. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

#### PENERBANGAN MAS DARI JEDDAH—KELEWATAN

**19. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Penerbangan MAS MH 4115 dari Jeddah ke Kuala Lumpur pada 11hb September, 1984 telah terlewat selama 10 jam lebih dan mengurung jemaah haji seramai 500 orang lebih dalam sebuah bilik yang tertutup lebih daripada 12 jam tanpa layanan dan minuman yang sewajarnya. Jika sedar, apakah sebab perkara ini berlaku, dan mengapakah pula pihak bertanggungjawab "Check in" dan membuat pemeriksaan pasport lebih awal, jika sekiranya mereka tahu kelewatan penerbangan akan berlaku.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, mohon izin. Kementerian Pengangkutan dan pihak MAS sentiasa mengambil berat bagi menentukan penerbangan-penerbangan MAS tiba dan berlepas mengikut jadual yang telah di tetapkan. Walau bagaimanapun, kadangkala kelewatan penerbangan ada berlaku dan kelewatan ini tidaklah dapat dielakkan kerana timbulnya keadaan di luar kawalan iaitu seperti cuaca buruk atau kejadian kerosakan kepada pesawat.

Mengenai penerbangan haji MAS dari Jeddah ke Kuala Lumpur pada 11hb September, 1984 yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu adalah benar. Penerbangan tersebut telah mengalami kelewatan selama lebih kurang 10 jam sebelum dapat berlepas dari Jeddah. Kelewatan tersebut disebabkan berlakunya kerosakan teknikal pada pesawat yang digunakan untuk penerbangan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mengendalikan penerbangan-penerbangan haji, pihak Mas perlu membuat peraturan menyewa pesawat-pesawat daripada syarikat-syarikat penerbangan asing kerana MAS tidak mempunyai pesawat yang cukup untuk digunakan bagi urusan penerbangan haji itu.

Pada hari yang berkenaan pihak MAS pada mulanya telah diberitahu oleh syarikat penerbangan yang mengendalikan pesawat tersebut bahawa kerosakan akan dapat diperbaiki dalam masa 3 jam sahaja. Memandangkan jangkaan kelewatan itu adalah 3 jam sahaja pihak MAS telah membuat keputusan untuk meneruskan proses pemeriksaan masuk penumpang-penumpang ke Balai Berlepas mengikut jadual asal. MAS tidak dapat menangguhkan proses pemeriksaan tersebut kerana jika sekiranya MAS tidak menggunakan tempat memproses jemaah haji seperti mana yang telah diaturkan itu, tempat tersebut akan diambil alih oleh syarikat penerbangan lain untuk memproses penumpang-penumpang mereka pula dan ini akan melibatkan kelewatan yang lebih panjang.

Walau bagaimanapun, apa yang tidak dapat diduga ialah kerja-kerja membaiki pesawat itu telah mengambil masa lebih lama daripada tempoh 3 jam tersebut kerana timbulnya kerumitan-kerumitan lain semasa pesawat-pesawat itu diperbaiki.

Pihak MAS hanya dimaklumkan tempoh kelewatan itu setelah penumpang-penumpang semua menjalani pemeriksaan "Check in" dengan izin. Oleh yang demikian penumpang-penumpang telah diminta menunggu di Balai Berlepas sehingga pesawat dapat berangkat.

Sungguhpun penumpang-penumpang tersebut telah diminta menunggu lama di Balai Berlepas oleh sebab-sebab yang saya terangkan di atas, saya sukalah memaklumkan di sini bahawa adalah tidak benar bahawa penumpang-penumpang tersebut telah tidak diberi layanan makanan dan minuman sepertimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Saya telah pun menyasat perkara ini dengan MAS dan saya telah diberitahu bahawa semasa berada dalam Balai Berlepas tersebut kesemua penumpang-penumpang tersebut telah diberi makanan dan minuman oleh pihak MAS yang dibuat melalui Saudi Catering, dengan izin.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana soalan saya tadi, saya kata kapal terbang ini lewat 10 jam. Lepas itu kita masuk, kita tunggu 12 jam di bilik sempit itu dan kita berada di Jeddah hampir 40 jam. Jadi, kalau kelewatan ini berlaku kepada penerbangan biasa memang disediakan hotel tetapi apakah kelewatan ini kepada jemaah Haji ini tidak disediakan kemudahan-kemudahan itu?

Tentang makanan pula, hari itu kita tidak makan. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalannya, Yang Berhormat.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Itulah yang saya tanya, adakah kemudahan-kemudahan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab masanya pun sudah cukup.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Soalan yang pertama tadi, apakah kemudahan-kemudahan ini

tidak diberi kepada jemaah Haji dan yang kedua, makanan itu makanan atas kapalterbang di bawa turun. Jadi sehari tidak makan, makan roti dan nasi seperti itu selama 12 jam.

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Soalannya Yang Berhormat. . . . .

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Jadi soalnya adakah munasabah tunggu daripada pukul 10.00 malam sampai 8.00 pagi tidak makan. Jadi keadaan inilah yang menyebabkan kesusahan yang ditanggung oleh jemaah-jemaah haji. Adakah disedari tentang perkara ini berlaku dan tidak menafikan apa yang saya maksudkan?

**Timbalan Yang di-Pertua:**  
Memandangkan masa sudah cukup, Yang Berhormat boleh jawab secara Bertulis.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 4, 11 dan 12 adalah diberi di bawah ini).*

### SISTEM PENERBANGAN MALAYSIA KE AMERIKA SYARIKAT

**1. Dato' Lee Boon Peng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah kejayaan telah dicapai atas masalah hak pendaratan oleh Sistem Penerbangan Malaysia di Amerika Syarikat dan Jepun yang terbit daripada pertemuan dengan rakan-rakan sejawatnya dari negara-negara yang berkenaan.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Adalah dimaklumkan bahawa soalan ini telah dijawab oleh saya pada 30-11-84. Saya tidak ada sebarang tambahan kepada jawapan tersebut.

### BELI KELULI—KAWALAN HARGA

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kerajaan membenarkan pembuat-pembuat dan pengedar-pengedar besi keluli mengambil kesempatan akan pengharaman ke atas pengimportan 'round steel bars' untuk menubuhkan cartel untuk menetapkan harga dan mengawal pengeluaran besi keluli (reinforcing steel).

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Mengikut siasatan Kementerian saya, tidak ada terdapat penjualan batang-batang besi keluli yang dijual melebihi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan oleh mana-mana pihak sama ada pengilang ataupun pengedar. Pada masa ini memang terdapat penyelarasan harga yang ditetapkan oleh pihak pengilang dan pengedar ke atas harga jualan batang-batang besi keluli di negeri ini demi melicinkan pasaran dan mengelakkan persaingan yang kurang sehat antara mereka. Walau bagaimanapun harga yang ditetapkan oleh mereka adalah masih lagi di bawah paras harga kawalan Kerajaan.

Kementerian sentiasa mengkaji kos pengeluaran batang-batang besi keluli kilang-kilang tempatan dan apabila didapati menasabah, Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mengubah harga kawalan ini.

### RTM—RANCANGAN KE 3 DI SABAH/SARAWAK

**11. Tuan Justine anak Temenggong Jinggut** minta Menteri Penerangan adakah benar bahawa TV Malaysia Rangkaian Ke 3 yang begitu berguna

kepada penduduk di Sabah dan Sarawak akan dihentikan. Jikalau benar apakah sebab-sebabnya, jikalau tidak, adakah Kementerian berkenaan bersetuju untuk menaikkan taraf penyiaran televisyen tersebut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Izinkan saya terlebih dahulu menjelaskan dasar media penyiaran di Malaysia. Secara ringkasnya, pada ketika ini RTM mengendalikan dua media elektronik, iaitu Radio dan Televisyen.

Siaran radio dikendalikan pada 4 peringkat iaitu:

- (a) Peringkat antarabangsa yang disiarkan menerusi Suara Malaysia.
- (b) Peringkat Kebangsaan yang disiarkan dari ibu pejabat di Kuala Lumpur ke seluruh negara.
- (c) Peringkat kawasan, iaitu kawasan Utara yang beribu pejabat di Pulau Pinang, kawasan Selatan disiarkan dari Johor Bahru, kawasan Timur disiarkan dari Kuala Trengganu, kawasan Tengah disiarkan dari Kuala Lumpur, kawasan Sabah disiarkan dari Kota Kinabalu, dan kawasan Sarawak disiarkan dari Kuching.
- (d) Peringkat tempatan yang khusus untuk bandar-bandar yang tertentu dan kawasan sekitarnya seperti Radio Ibu Kota untuk Kuala Lumpur, Stesen di Alor Setar, Ipoh, Melaka, Kota Bharu, Kuantan, Sri Aman, Sibul, Miri dan Limbang.

Siaran Radio adalah dikendalikan di peringkat daerah dan tempatan untuk memenuhi keperluan sasaran pendengar-pendengar yang bilangannya lebih kecil dan dalam

kawasan yang tersendiri, (smaller target audience).

Sebaliknya pula siaran TV adalah dikendalikan pada peringkat Nasional sahaja. Maka itulah sebabnya negeri-negeri lain di Semenanjung tidak memancarkan siaran televisyennya sendiri seperti radio, kecuali stesen di Kota Kinabalu.

Stesen Televisyen di Kota Kinabalu diwujudkan dalam tahun 1971 kerana pada masa itu teknologi penyiaran menerusi satelit belum lagi luas dipergunakan dan di luar kemampuan RTM.

Dengan latar belakang itu suka saya menyatakan bahawa Televisyen Malaysia Rangkaian Ketiga yang berupa siaran daerah bagi Sabah dan Sarawak akan dihentikan pada 1hb Januari 1985. Penghentian ini tidaklah bermakna penonton-penonton di Sabah dan Sarawak cuma akan dapat menonton bahan-bahan rancangan dari Kuala Lumpur sahaja. Kebanyakan daripada rancangan-rancangan yang sekarang ini disiarkan menerusi Rangkaian Ketiga akan disiarkan tetapi sumber siarannya adalah dari Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Ini bermakna bahan-bahan rancangan seluruh ketiga yang selama ini cuma dapat ditonton oleh penonton-penonton di Sabah dan Sarawak sahaja, kelak akan dapat ditonton oleh penonton-penonton di seluruh Malaysia.

Pusat-pusat penerbitan daerah bagi rancangan televisyen yang sedia ada di Kota Kinabalu dan Kuching bersamasama dengan Pusat-pusat penerbitan yang sama yang akan dibina di Johor Baru bagi kawasan Selatan, Kota Bharu bagi kawasan Timur dan Alor Setar bagi kawasan Utara akan menyalurkan penerbitan rancangan-rancangan tempatan televisyennya untuk siaran dari Kuala Lumpur. Dengan hal yang demikian siaran

televisyen ke seluruh negara akan diseragamkan untuk matlamat integrasi nasional.

Kedua-dua Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah pun memaklumi perubahan ini dari segi integrasi nasional dan mempersetujuinya.

### KEMAS—PENYELARASAN KEGIATAN

**12. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelaraskan segala kegiatan-kegiatan KEMAS dengan lain-lain agensi Kerajaan di Sabah.

**Dato Mohammad Yahya bin Lampong:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sentiasa menjalankan penyelarasan terhadap kegiatan semua jabatan dan agensi di bawahnya termasuk KEMAS. Penyelarasan dijalankan melalui mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Negeri yang dianggotai oleh semua jabatan di peringkat Negeri dan Jawatankuasa Penyelarasan Antara Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dianggotai oleh semua agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Di Sabah penyelarasan aktiviti KEMAS dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pembangunan Negeri sama ada di peringkat Negeri mau pun di peringkat Daerah. Di samping itu juga di Sabah, seperti di lain-lain negeri, terdapat Jawatankuasa Penyelarasan antara Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Selain daripada itu mesyuarat-mesyuarat dan perbincangan-perbincangan juga di-

adakan di antara KEMAS dengan jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Melalui mesyuarat-mesyuarat seperti ini segala aktiviti KEMAS dapat diselaraskan dengan kegiatan lain-lain agensi di Sabah.

Di Negeri Sabah KEMAS menjalankan program dan aktivitiya bagi melibatkan rakyat di dalam usaha-usaha ekonomi dan pembangunan negara dengan mengambil kira keujudan Jabatan Kemajuan Masyarakat Sabah dan lain-lain agensi yang mempunyai peranan yang agak serupa. Untuk memastikan tidak berlaku pertindihan tugas dan tanggungjawab, KEMAS dan lain-lain jabatan berkenaan menyelaraskan aktiviti masing-masing. KEMAS menjalankan aktiviti di dalam bidang dan di kawasan-kawasan yang tidak dijalankan oleh lain-lain jabatan yang menjalankan kegiatan yang sama. Sebagai contoh, setelah Jabatan Kemajuan Masyarakat Sabah menjalankan program Kampong Contoh maka KEMAS telah memberhentikan aktiviti Rancangan Desa Usaha yang mana konsep dan perlaksanaannya adalah lebih kurang serupa. Di dalam melaksanakan aktiviti Ekonomi Rumah Tangga pula KEMAS berganding bahu dengan Jabatan Pertanian Sabah untuk dapat meliputi pemerata-rata kawasan di Sabah. Begitu juga telah dipersetujui di akhir-akhir ini di mana Kementerian Pembangunan Bandar dan Desa Negeri Sabah akan menyerahkan aktiviti Taman Didikan Kanak-Kanak untuk diserapkan sebagai Taman Bimbingan Kanak-Kanak KEMAS. Ini bermakna semua program pra-sekolah di Sabah akan dilaksanakan oleh KEMAS.

Untuk menjayakan segala program dan aktivitiya KEMAS sentiasa berhubung dan bekerjasama dengan lain-lain jabatan di Negeri Sabah.

**RANG  
UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN TAMBAHAN  
(1983 DAN 1984)**

Bacaan Kali Yang Kedua

**DAN**

**USUL**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (BIL. 2), 1983**

**DAN**

**ANGGARAN PEMBANGUNAN  
(TAMBAHAN) (BIL. 1), 1984**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) dan Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" (*Hari Pertama*).

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam Dewan telah ditangguhkan setelah Rang Undang-undang berkenaan dibaca kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang

Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,233,540,944 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

(1) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$68,543,600 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan

(2) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$1,164,997,344 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.*

*(Timbalan Yang di-Pertua memperkerusikan Jawatankuasa)*

*Jadual—*

*3.35 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$22,600,160 yang diperuntukkan

dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Kedua 1983 bagi Maksud-maksud Bekalan B.26, B.41 dan B.45 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$1,156,038,285 yang diperuntukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama 1984 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1, B.2, B.7, B.19, B.21, B.22, B.26, B.28, B.29, B.32, B.33, B.36, B.37, B.38, B.41, B.52, B.56, B.57, B.58, B.62, B.63 dan B.64 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual; wang sejumlah tidak lebih daripada \$68,543,600 yang diperuntukkan dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 2) 1983 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.9, P.20, P.24, P.27, P.35, P.45, P.46, P.51, P.59, P.62 dan P.64 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1984 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$1,164,997,344 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1984 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.7, P.16, P.18 hingga P.23, P.26 hingga P.30, P.33, P.35 hingga P.39, P.42, P.43, P.46, P.47, P.48, P.52 hingga P.54, P.57 dan P.59 hingga P.65 untuk Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam Penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1984 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 1983 dan 1984 dan juga Anggaran Perbelanjaan (Tambahan) tahun 1983 dan 1984. Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga

diberi dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 32/84 dan 34/84 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan) Kedua 1983 dan Tambahan Pertama 1984 di Kertas Perintah 36/84 dan 38/84 bagi Anggaran (Tambahan) (bil. 2), 1983 dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1984. Oleh itu, saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

*Maksud B.1, B.2 dan B.7 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.7 dan P.9 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.7 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Perbekalan B.1, B.2, B.7, Tambahan Pertama, 1984, Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan Maksud Pembangunan P.7, P.9 Tambahan Kedua, 1983 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P.7, Tambahan Pertama 1984 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Pekan.

3.42 ptg.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan):** Tuan Pengerusi, dalam saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan pada petang ini, suka saya menarik perhatian Dewan ini kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu sebanyak \$171,175—Maksud B.2 muka surat 1. Maksud saya bercakap di sini ialah mengenai anugerah bintang-bintang penghormatan yang diberikan kepada orang-orang yang telah banyak memberi khidmat. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Adakah dalam Butiran ini tercatat dalam Kertas Perintah 37 dan 38, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Maksud B.2, Kertas. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Muka surat Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Muka surat 1.

**Tuan Pengerusi:** Kertas Perintah?

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** 37, saya rasa.

**Tuan Pengerusi:** 37, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Muka surat 1 (b)—Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja. Boleh saya teruskan, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Maksud saya bercakap di sini ialah mengenai anugerah bintang penghormatan yang diberikan kepada orang-orang yang telah banyak memberi khidmat dan menunjukkan jasanya kepada negara seperti anugerah Tun, Tan Sri, Dato' dan lain-lain lagi.

Saya percaya Jabatan Perdana Menteri telah banyak bersusah payah dalam usaha-usahanya mengkaji dan menyelidik latar belakang mereka yang hendak dikurniakan dengan mana-mana bintang. Kami penuh berkeyakinan bahawa siapa sahaja yang telah diberi anugerah ini sebenarnya adalah seorang yang telah betul-betul berbudi dan berjasa pada negara, dan saya percaya tiada sesiapa pun yang akan mempersoalkannya. Yang hendak saya timbulkan di sini ialah tentang perlakuan seseorang yang telah diberi anugerah ini, terutama sekali jika anugerah ini ialah

anugerah yang agak tinggi juga darjatnya. Seseorang yang diberikan satu anugerah yang begitu tinggi darjatnya, saya fikir adalah perlu bagi seseorang itu menjaga darjatnya supaya tidak tercemar.

Saya hendak bertanya di sini sama ada seseorang yang bergelaran sepatut membenarkan dirinya menjadi bahan iklan sepertimana yang sekarang ini biasa kita lihat. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya minta duduk sebentar.

Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, adakah peruntukkan tambahan yang diminta ini telah diperbelanjakan dalam program sebagaimana yang diucapkan oleh Yang Berhormat dari Pekan tadi.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu di dalam semua Kertas-kertas Perintah yang dibentangkan ini adalah bagi peruntukan yang telah pun diperbelanjakan. Kita cuma meminta dewan ini meluluskan perbelanjaan-perbelanjaan yang telah diluluskan.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** (Bangun).

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat saya minta Yang Berhormat duduk sebentar. Saya memohon daripada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membawa ucapan hanya khusus berkenaan dengan perkara-perkara yang berkait secara langsung berkenaan dengan peruntukan tambahan yang diminta, tetapi oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Pekan saya telah benarkan memulakan ucapan, harapan saya adalah semoga Yang Berhormat mengolahkan ucapan sedikit supaya berkait. Silakan Yang Berhormat dari Pekan.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sedikit sahaja lagi.

Saya hendak bertanya di sini sama ada seseorang yang bergelar sepatutnya membenarkan dirinya menjadi bahan iklan, sepertimana yang sekarang ini biasa kita lihat di televisyen kita ada seorang kenamaan yang bergelar mengiklankan "Kad Kredit" untuk sebuah syarikat "Kad Kredit". Sudah menjadi kebiasaan syarikat-syarikat iklan mengeksploitasikan pemuda-pemuda yang-kacak dan lawa dan wanita-wanita yang cantik manis, tetapi sekarang ini nampaknya kedudukan seseorang itu pula sudah mula dieksploitasikan untuk menarik lebih ramai lagi pelanggan syarikat-syarikat berkenaan. Saya fikir sebelum perkara ini menjadi satu trend atau fashion, dengan izin, pada akhir-akhirnya akan menjatuhkan imej kumpulan orang-orang kenamaan yang begitu terkenal dan kita hormati, perkara orang kenamaan menjadi bahan iklan patut sangat diberhentikan.

Saya berharap Kerajaan akan dapat mengambil tindakan tertentu terhadap mengawal perkara seperti ini tidak akan berlaku lagi.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik sedikit mengenai dengan Maksud B.38 di muka surat 3, di mana peruntukan tambahan sebanyak \$11,422,000 telah dipohonkan. Saya perhatikan bahawa Kementerian ini telah banyak menggunakan wang peruntukannya untuk mengendalikan Pusat Pemulihan Penagih Dadah. Saya mengucapkan syabas kepada Kementerian ini di atas usaha murni yang telah dibuat di dalam usahanya memerangi dadah, tetapi saya perhatikan bahawa di peringkat pencegahan. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta maaf saya ganggu Yang

Berhormat selalu. Butiran mana itu, Yang Berhormat?

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Jabatan Perdana Menteri, B. 38.

**Tuan Pengerusi:** Programnya ada dalam Kertas Perintah. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Terima kasih. Saya percaya Jabatan Perdana Menteri telah banyak berusaha bersusah payah dalam usah-usahanya mengkaji dan menyelidik latar belakang mereka yang hendak, minta maaf, Tuan Pengerusi, saya terganggu sedikit. Saya mengucapkan syabas di atas usaha murni yang telah dibuat di dalam usahanya memerangi dadah, tetapi saya perhatikan bahawa di peringkat pencegahan penggunaan dadah ini, usaha yang dijalankan masih belum begitu sempurna oleh kerana saya dapati bahawa cawangan atau Biro Anti Narkotik, Jabatan Polis masih kekurangan anggota, terutama sekali di peringkat negeri.

Dalam usaha Biro Anti Narkotik ini mencegah pengedaran dadah umpamanya, mereka sangat-sangat memerlukan bantuan dan pertolongan cawangan-cawangan lain seperti Cawangan Khas dan Cawangan Jenayah. Kerjasama di antara kesemua cawangan ini memanglah baik dan patut diberi kepujian, tetapi kita jangan lupa bahawa Cawangan Khas dan Cawangan Jenayah itu ada tugas-tugas yang utama bagi mereka dan mereka mungkin tidak mampu untuk menumpukan sepenuh masa mereka terhadap aktiviti-aktiviti pengedaran dadah.

Saya dengan ini mencadangkan agar cawangan atau Biro Anti Narkotik ini dibesarkan lagi, pegawai-pegawai dan kakitangannya ditambah dan begitu juga bidang kuasanya. Dengan

pertambahan ini saya yakin cawangan atau Biro Anti Narkotik ini akan dapat membawa ke muka pengadilan, bukan sahaja penghisap-penghisap dadah atau pengedar-pengedar dadah yang kecil-kecilan, tetapi dapat terus menangkap punca besarnya atau "kingpin"nya dengan izin. Saya yakin dengan tertangkapnya taukeh-taukeh dadah ini segala usaha kita memerangi musuh nombor satu kita ini, iaitu dadah akan bertambah lagi kejayaannya.

Sekian sahaja, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat benar-benar hendak berucap atau bolehkah Yang Berhormat membantu kita sebab memandangkan kita hanya ada satu hari. Adakah Yang Berhormat hendak berucap? Sila teruskan.

3.54 ptg.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya bangun dalam membahaskan Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan Anggaran Belanjawan Mengurus Tambahan Kedua, 1983 iaitu butiran 1 (a) Parlimen.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Aturan Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat ini ada dua naskah dikeluarkan; satu Bahasa Inggeris dan satu lagi Bahasa Malaysia, iaitu Aturan Urusan Mesyuarat dalam Bahasa Malaysiannya dan Order Paper dalam Bahasa Inggerisnya. Oleh kerana memandangkan kita di Dewan yang mulia ini menggunakan Bahasa Malaysia dan Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan ke Kementerian-kementerian yang

berkenaan bahawa Kementerian-kementerian ini juga dengan pegawai-pegawainya boleh menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik, rasa saya membazirlah kita menggunakan penterjemah dan Order Paper itu dalam Bahasa Inggeris. Prestasi dalam Dewan ini telah begitu baik bahawa ada mendengar daripada Jurubahasa Serentak pun tidak ada diberi, menunjukkan Bahasa Malaysia telah digunakan sepenuh 100% di Dewan ini. Itulah sebabnya saya berpendapat Order Paper di dalam Bahasa Inggeris ini dimansuhkan sahaja, tidak ada gambaran untuk hendak menentukan dua bahasa lagi bahkan dalam ucapan-ucapan bila menggunakan Bahasa Inggeris, dengan minta izin.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkenaan dengan Parlimen ini, sepatutnya Parlimen ini sebagai satu institusi yang tertinggi, waktu malam apabila pelawat-pelawat lalu tentulah gelap sahaja walaupun nampak menara begitu tinggi, hebat, indah, tambahan dengan suasana pokok kayu-kayannya, maka pelancong-pelancong bila lalu di waktu malam tak berapa jelas memandang Parlimen ini kerana gelap. Tetapi apabila melihatkan Bangunan Daya bumi itu, dengan izin, 'spotlight' menyuluh seolah-olah daya bumi inilah satu bangunan yang terhebat sekali dalam negara ini. Saya berpendapat eloklah pihak pengurusan Parlimen ini menerangkan Parlimen di waktu malam, daripada waktu mula gelap sampai pukul 9.00, selepas itu biarlah dipadamkan lampu. Ini bukan untuk menunjukkan kita membazir, tetapi menunjukkan bagaimana keindahan dan kehebatan Parlimen kita ini waktu malam.

Saya menyokong perbelanjaan yang telah dibelanjakan.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjawab, sekiranya mahu menjawab.

3.57 ptg.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberi hujah-hujah mengenai dengan Jabatan Perdana Menteri di peringkat Jawatankuasa ini.

Yang pertama, mengenai dengan anugerah Bintang-bintang Kebesaran Negara kita, khususnya mengenai individu-individu atau tokoh-tokoh yang telah pun menerima Bintang-bintang seperti itu. Tuan Pengerusi, memanglah benar bahawa bintang-bintang ini dikurniakan disebabkan jasa-jasa tertinggi seseorang Malaysia itu, walhal orang-orang luar negeri yang telah membuat jasa di negara kita pun kadang-kadang diberi anugerah secara kehormat.

Mengenai dengan satu kes ataupun satu contoh di mana seorang yang telah menerima anugerah, kalau tak silap saya 'Tan Sri' dan telah membenarkan diri beliau untuk menjadi iklan satu perusahaan Kad Kredit ini tentulah akan kita perhatikan dan kita akan ambil tindakan yang sewajarnya memandangkan barangkali ada sebab-sebab yang kita kurang tahu mengapa beliau telah bersetuju seperti yang demikian.

Yang kedua, mengenai dengan memerangi dadah. Tuan Pengerusi, kalau boleh diizinkan, Timbalan Menteri Dalam Negeri lebih lagi sesuai untuk menjawabnya dan beliau telah anggok-anggok tadi, bersetuju.

Akhir sekali, mengenai dengan Aturan Urusan Dewan Rakyat dan juga sebenarnya Dewan Negara yang menggunakan dua bahasa, iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, saya percaya Urusetia Parlimen boleh memberi pendapat mengenai dengan

perkara ini; dan sekiranya tidak perlu lagi, maka kita mansuhkan sahajalah, kita gunakan Bahasa Malaysia yang mana saya percaya memang adalah tujuan kita akhir-akhirnya.

Mengenai dengan Bangunan Parlimen yang gelap ini, sekali lagi memang ini akan, kalau kita pasang lampu untuk menyinarakan Bangunan Parlimen ini di waktu malam, ini akan memakan tenaga elektrik yang lebih daripada biasa dan banyak lebih daripada yang biasa kerana spotlight-spotlight itu mempunyai watt-watt yang beratus beribu kalau semua unit. Kedua, barangkali wiring-wiring ataupun talian-talian yang sudah agak lama perlu diselarakan, jangan pula ada 'short-circuit', dengan izin, dan merbahaya kepada bangunan yang begitu kita sanjung tinggi melambangkan kemegahan dan kemertabatan sistem Parlimen di negara kita ini.

Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$580,000 untuk Maksud B.1; \$171,175 untuk Maksud B.2 dan \$141,978,370 untuk Maksud B.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$580,000 untuk Maksud B.1; \$171,175 untuk Maksud B.2 dan \$41,978,370 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dan \$764,630 dalam Maksud P.9 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$60 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dalam

Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.7 dan \$764,630 untuk Maksud P.9 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983; dan wang sebanyak \$60 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud P.16 dan P.18 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.16 dan P.18 Tambahan Pertama 1984, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.02 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai perkara P.16, Tambahan Pertama 1984, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walaupun perbelanjaan sebanyak \$4,165,060 telah dibelanjakan tetapi saya rasa adalah menjadi tanggungjawab saya mewakili pengundi-pengundi di kawasan saya untuk memberikan pandangan serta cadangan kepada Kerajaan terhadap pelaksanaan projek rumah kos rendah Jabatan Perumahan Negara.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat sebutkan muka surat dan butiran memandangkan kita dalam peringkat Jawatankuasa sekarang dan telah

tamat perbincangan di peringkat dasar semalam.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Saya ingin bercakap mengikut Kertas Perintah 38 Tahun 1984, Maksud Perbelanjaan Pembangunan P.16, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Pengerusi, secara ringkasnya saya berpendapat serta mencadangkan pada masa-masa yang akan datang, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya mengkaji semula dasar membuat rumah-rumah kos rendah walaupun rumah kos ini diperlukan bagi mereka yang tidak berumah dan tidak bertanah di kawasan bandar dan juga di kawasan luar bandar tetapi bagi kedua-dua kawasan itu saya berpendapat ada bezanya.

Bagi mereka yang tidak berumah dan tidak bertanah dan yang tinggal di kawasan luar bandar ataupun yang tinggal di kawasan bandar-bandar kecil di mana penduduk-penduduk di kawasan-kawasan bandar-bandar kecil itu bilangannya tidak ramai, saya berpendapat rancangan rumah kos rendah seperti yang diadakan pada masa ini tidak sesuai.

Saya berpendapat sedemikian rupa kerana kawasan-kawasan bandar kecil ini masih mempunyai tanah-tanah milik Kerajaan yang luas dan saya berpendapat adalah lebih sesuai jika sekiranya Kerajaan memberikan lot-lot perumahan kepada mereka yang tinggal di kawasan bandar seumpama ini dan apabila tanah lot perumahan ini diberikan kepada mereka maka mereka bolehlah memohon membuat pinjaman perumahan daripada Kerajaan untuk membuat rumah mereka sendiri sesuai dengan keadaan dan selera mereka, tidak seperti apa

yang diadakan pada masa ini di mana rumah kos rendah dibuat dengan cara yang sama kesemuanya, ada sebahagian daripada mereka yang merasakan bahawa rumah-rumah tersebut tidak sesuai kepada mereka, ada yang menyatakan bahawa rumah-rumah tersebut terlalu kecil bagi mereka kerana mempunyai anak yang ramai dan sebagainya. Ada pula yang berpendapat bahawa mereka tidak boleh bercucuk tanam di kawasan rumah mereka sedangkan Kerajaan masih mampu untuk memberikan tanah lot-lot perumahan kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar ini ataupun di kawasan bandar kecil ini. Bagi kawasan bandar yang padat dengan penduduk sistem pembinaan rumah kos rendah, Jabatan Perumahan Negara ini saya rasa sesuai.

Yang keduanya berkaitan dengan perkara ini juga Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita sekarang menghadapi zaman kemelesetan ekonomi dan oleh kerana Jabatan Perumahan Negara tidak mempunyai kemampuan untuk membina rumah-rumah kos rendah dan oleh kerana di tiap-tiap kawasan telah dikenal pasti kawasan-kawasan yang akan dibina dengan rumah-rumah kos rendah dan di dalam keadaan Kerajaan tidak ada wang kerana kekurangan wang, Kerajaan tidak mampu untuk memenuhi kehendak rakyat yang tidak berumah dan tidak bertanah. Maka saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya kawasan-kawasan perumahan yang telah dikenal pasti, kawasan perumahan di mana proses ubah syarat dan layoutnya telah pun diluluskan, hanya menunggu untuk mendirikan rumah-rumah sahaja lagi supaya kawasan ini diswastakan. Cari sektor swasta, pemaju-pemaju perumahan swasta, mereka majukan kawasan ini, bina rumah-rumah kemudian apabila rumah telah siap dibina serahkan kepada Kerajaan untuk mengagih rumah-rumah yang telah siap dibina

itu kepada mereka yang layak, yang benar-benar memerlukan rumah seumpama ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menjawab dan menggulung sekiranya mahu menjawab.

4.08 ptg.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah sudi bangun untuk memberi cadangan-cadangannya kepada Kementerian dan insya-Allah di masa akan datang kita akan ambil perhatian.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, P.16 dan P.18 ini ialah berkenaan dengan perbelanjaan tambahan yang kita telah pun belanjakan bagi tujuan untuk perparitan dan saluran najis di Labuan. Walau bagaimanapun, oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah pun bersungguh-sungguh memberi cadangannya, saya ucapkan ribuan terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Jadi wang dibelanjakan untuk saluran najis. Apa yang dikemukakan ialah rumah murah. Jelas bahawa tidak berkait. Itulah yang saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat, sekiranya berucap, biarlah berucap berkenaan dengan perkara-perkara yang berkait dengan peruntukan yang telah pun dibelanjakan dan diminta pengesahannya sekarang, oleh kerana kehendak undang-undang supaya wang yang dibelanjakan itu diluluskan oleh Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,165,060 yang disebutkan dalam Maksud P.16 dan \$10 dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan

Pertama bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hendaklah diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,165,060 untuk Maksud P.16 dan \$10 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1984.

*Maksud B.19 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.19 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B.19 dan P.19 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas.

*(Tiada perbincangan).*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,087,208 untuk Maksud B.19 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,087,208 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,600,020 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$3,600,020 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1984.

*Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas. \$30 sahaja hendak bahas \$30 juga? *(Tiada Perbincangan).*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$30 yang disebutkan dalam Maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$30 untuk Maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.21 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.21 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.21 Anggaran Perbelanjaan Mengurus (Tambahan) pertama 1984 dan Kepala Pembangunan P.20 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) kedua 1983 dan P.21 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) pertama 1984 terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.16 ptg.

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Pengerusi, Saya ingin bercakap di bawah Maksud 31 butiran 1 muka surat 22. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA. Di dalam anggaran tambahan yang dipohon pihak FAMA telah pun

meminta sejumlah \$7,940,000 untuk diluluskan sebagai perbelanjaan tambahan pembangunan.

Di dalam masa-masa yang lalu FAMA ini merupakan satu agensi Kerajaan yang boleh membantu petani-petani, peladang-peladang di dalam usaha untuk memasarkan hasil-hasil pertanian. Sedikit sebanyak kita telah pun mendapat penjelasan dan mendapat gambaran bahawa kegiatan itu adalah secara langsung adalah tertumpu kepada penjualan hasil pertanian.

Dengan terlaksananya Dasar Pertanian Negara dan saya tidak hendak menyebut soal Dasar Pertanian Negara itu secara langsung kerana saya dapati bahawa beberapa kelemahan di dalamnya tidak termasuk soal input-input pertanian kepada petani-petani bagi menjalankan usahanya.

Walau macam manapun, dengan kekesanan Dasar Pertanian Negara ini, keyakinan bahawa satu masa lagi bahawa petani-petani ini akan mengeluarkan hasil yang banyak kerana kegiatan Kerajaan. Ini suatu kejayaan. Dahulu pun kita telah mengalami suatu keadaan yang sama apabila "Buku Hijau" dijelaskan dan ramai petani-petani telah menanam sayur-sayuran tetapi hasilnya tidak dapat dipasarkan. Walaupun dapat dipasarkan harganya adalah terlalu rendah.

Dan sekarang ini FAMA ditubuhkan dalam bulan November, kalau tidak salah saya dalam tahun 1965, mempunyai 6 objektif yang di segi idealnya adalah cukup cantik, elok, murni, tetapi saya tidak nampak walaupun separuh objektif-objektif itu yang telah dicapai atau dilaksanakan kerana pada keyakinan saya kalau sekiranya setengah, separuh daripada objektif itu dapat dilaksanakan, masalah pemasaran hasil pertanian ini tidak akan menghadapi masalah.

Pada tahun 1980 dalam buka Laporan Penyata Tahunan kita dapati pihak FAMA masih lagi merancang untuk mengadakan kegiatan merancang, untuk mengadakan pejabat, merancang untuk mengadakan itu dan ini dan ada juga masih lagi di dalam proses "acquisition", mengambil balik tanah setelah 15 tahun wujud FAMA ini, masih lagi merancang, merangka dan juga "land acquisition", dengan izin Tuan Pengerusi.

Inilah menunjukkan bahawa kelembapan, kelemahan FAMA ini, tidak dapat bergerak dengan baik. Sepatutnya apabila ditubuhkan setelah asas dan dasar yang dibentuk oleh Kerajaan untuk FAMA ini melaksanakan tugasnya, maka pada tahun pertama itu mestilah sudah ada pembangunan, proses-proses yang baik untuk kepentingan para petani.

Saya hendak meminta kepada Kerajaan mengkaji supaya dapat menambahkan kekuatan kepada FAMA ini, supaya ianya tidak akan menjadi masalah kepada Kerajaan kemudian hari. Tidak akan timbul masalah Klang Valley sekali lagi. Kerana inilah punca-punca yang mungkin akan memarakkan semangat kemarahan rakyat kepada satu agensi Kerajaan, kemudiannya kesannya adalah kepada Kerajaan keseluruhannya, yang saya pandang tidak baik.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, ialah penonjolan kegiatan-kegiatan FAMA pada peringkat daerah langsung tidak ada. Walaupun Pegawai FAMA yang menyatakan bahawa kita selalu bertemu ataupun berjumpa dengan persatuan-persatuan peladang untuk meminta pandangan, nasihat bagaimanakah hendak memasarkan hasil tani itu, tetapi dari segi pengalaman, saya telah bekerja beberapa tahun sebagai Penolong Pegawai Daerah di daerah tidak wujud perkara ini semuanya, tidak wujud.

Malahan petani-petani kampung terpaksa bergerak sendiri untuk memasarkan hasil pertanian mereka.

Jadi dalam soal ini, FAMA di peringkat daerah ini mestilah menonjolkan diri, tunjukkan sikap bahawa mereka ini dibentuk ataupun dibina untuk membantu masyarakat petani-petani miskin luar bandar.

Duit Kerajaan bagi, peruntukan tambahan kita akan luluskan. Sekarang ini sikap mereka sahaja yang perlu diubah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, nanti sebentar. Sila duduk sebentar. Saya tengok di bawah Maksud P.21 itu tak nampak pun FAMA.

**Tuan Othman bin Abdul:** Ini, Tuan Pengerusi, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, muka surat 22, Kertas Perintah 37 tahun 1984. Memang FAMA dia tak tulis tetapi ditulis Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, sama juga dengan FAMA, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** P.21?

**Tuan Othman bin Abdul:** P.21, muka surat 22, Butiran 1 dalam Peruntukan Tambahan 1984 sebanyak \$7,000,490. Ini termasuk sedikit muka surat 23.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan. Sementara saya mencari betulkah atau tidak.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tahu Tuan Pengerusi hendak test saya. Jadi sekarang ini apabila Dasar Pertanian Negara kita jalankan dengan sempurna dan baik dan hasil petani-petani bertambah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Saya ingin bertanya adakah FAMA meminta—saya rasa tidak ada, FAMA

tidak meminta peruntukan. Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh potong cerita sedikit.

**Tuan Othman bin Abdul:** Anggaran yang dipinda, ada, Tuan Pengerusi—1984.

**Tuan Pengerusi:** Tambahan Pertama, 1984, P.21, tak ada Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Saya ringkaskan sedikit.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Jadi apa maksud saya selepas daripada hasil pertanian ini bertambah, maka Kerajaan haruslah mencari jalan untuk memasarkan hasil ini. Saya faham bahawa satu rombongan diketuai oleh Timbalan Menteri Pertanian telah membuat satu kajian pemasaran di Singapura dan nampaknya perkara ini adalah baik dan kalau boleh perkara ini mestilah dikemukakan kepada masyarakat bagi mereka itu mengetahui bahawa hasil tanaman mereka akan mendapat pasaran yang baik. Jika sekiranya hasil itu baik dan bermutu. Jadi dengan itu saya menyokong anggaran perbelanjaan tambahan yang diminta.

**Tuan Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab? Silakan.

4.24 ptg.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli yang Berhormat dari Ulu Muda berminat sangat tentang FAMA dan saya atas nama Kementerian Pertanian mengucapkan terima kasih.

Sebenarnya, pandangan Ahli Yang Berhormat itu sangatlah membina dan FAMA sekarang atas arahan Menteri Pertanian yang baru ini, sekarang

mengkaji semula fungsi dan peranannya untuk memasarkan hasil-hasil pertanian dengan lebih berkesan di dalam konteks kajian semula oleh FAMA.

Pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat itu tentu akan diberi perhatian berat.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$716,820 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$716,820 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak 410 yang disebutkan dalam maksud P.20 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$8,262,360 yang disebutkan dalam maksud P.21 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk maksud P.20 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.2), 1983; dan wang sebanyak \$8,262,360 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1) 1984.

*Maksud B.22 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.22 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Kepala B.22 Anggaran

Perbelanjaan Mengurus Tambahan (Bil.1) 1984 dan Kepala B.22 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984 di bawah Kementerian Perdagangan dan perindustrian terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbahasan, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,359,636 untuk maksud B.22 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,359,636 untuk Maksud B.22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$40 yang disebutkan dalam maksud P.22 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendak diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$40 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1984.

*Maksud B.26 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.24 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.23 dan P.26 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B.26 dan P.24 Tambahan Kedua, 1983, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dan P.23 dan P.26 Tambahan Pertama Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 1984 terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tiada perbincangan, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$88,447 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$88,447 untuk maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$34,500,020 yang disebutkan dalam maksud P.23 dan \$10 dalam maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2) 1983; dan wang sebanyak \$34,500,010 untuk maksud P.23 dan \$10 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.26 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P.27 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1984—*

**Tuan Pengerusi:** Hari ini saya cakap lebih daripada orang lain. Kepala Bekalan B.26 Tambahan Kedua Anggaran Perbelanjaan Pengurus 1983 dan Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Mas.

4.30 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran P.27, Tambahan Pertama, 1984, tajuk berkenaan dengan Tentera Laut dan Tentera Udara di muka surat 46. Terdapat di muka surat 46, Kertas Perintah 37, tahun 1984, wang tambahan berjumlah \$218,570,308.

Tuan Pengerusi Kementerian Pertahanan biasanya menerima peruntukan yang besar tiap-tiap tahun oleh kerana pentingnya peranan Kementerian dalam mempertahankan negara kita dari ancaman di dalam dan di luar negeri. Kali ini saya ingin menyentuh mengenai dengan Tentera Udara dan Tentera Laut. Oleh kerana saya berpendapat sektor ini tidak diberi priority yang sepatutnya, khasnya Tentera Udara dalam rancangan-rancangan yang lepas. Ada beberapa penganalisa pertahanan tempatan yang berpendapat bahawa jika misalnya jet Vietnam MIG 23, dengan izin, yang terletak di Kampuchea terbang dengan izin, a high-low profile melintasi Telok Siam, jet tersebut tidak akan diketahui oleh tentera kita dan jika jet tersebut membuat serangan ke atas Pengkalan Tentera Udara di kuantan, jet kita dengan izin, F-5E dan RAAF Mirages kita yang ada di Butterworth tidak akan memberi pertolongan dengan serta merta.

Tuan Pengerusi, dasar Hanoi ialah supaya mewujudkan satu Tentera Udara dan Tentera Darat yang amat kuat di rantau ini. dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang amat baik dan sofistikasi di Vietnam selatan yang dibina oleh Amerika Syarikat dahulu, pihak soviet melalui Vietnam dapat menunjukkan kekuatannya di rantau ini. Memandangkan Malaysia merupakan negara yang berhampiran dengan laut, bukan sahaja Semenanjung tetapi termasuk juga

Sabah dan Sarawak. Adalah perlu bagi kita melindungi pinggir laut serta industri minyak kita yang ada. Walaupun Malaysia mengambil bahagian. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, minta duduk sebentar. Saya tengok di sini di bawah Kapal terbang TUDM \$45 juta mana boleh beli jet. Tambahan, adakah \$45 juta digunakan untuk dibeli jet? Jadi, saya rasa Yang Berhormat sila pandukan ucapan kepada peruntukan tambahan yang perlu disahkan oleh Jawatankuasa ini.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 4, 5, 6, 7 dan 8. Di bawah butiran 6, (i) Subang, (ii) Gong Kedap, (iii) kemudahan Baikpulih Kapal terbang, Subang dan (iv) lain-lain. Dan Pengkalan Depoh TUDM, Kapal terbang TUDM, Kelengkapan TUDM dan juga kapal-kapal Tentera Laut di-Raja Malaysia dan kelengkapan Tentera Laut di-Raja Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Mutang Tagal:** Walaupun Malaysia mengambil bahagian dalam dengan izin, Tuan Pengerusi, "Five-Power Defence Arrangement" (FPDA) dengan Britain, Australia, New Zealand dan Singapura semenjak ianya ditubuhkan dalam bulan November, 1971 dan walaupun dengan izin, "Royal Australian Air Force" menggunakan satu pasukan atau squadron kapal terbang pejuang Mirage 3-0 di Semenanjung, nampaknya perwujudan FPDA ini tidak memberi suasana keselamatan yang sepatutnya di negara kita ini, khususnya di Kuala Lumpur yang merupakan ibukota negara. Memandangkan satu kapal serangan Soviet TU-16 yang ditempatkan di Tasik Cam Ranh atau pun Cam Ranh Bay akan mengambil masa

penerbangan satu jam setengah sahaja, jika ia ingin menyerang Kuala Lumpur. Kedatangan pelarian-pelarian Vietnam ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia menggambarkan kelemahan kita untuk melindungi pinggir laut kita.

Pada pendapat saya, kekuatan udara ataupun dengan izin, "air power", merupakan kunci kepada sesuatu operasi militari yang conventional di rantau Asia Tenggara. Dan peranan dan perkhidmatan Tentera Udara kita perlu dianggap sebagai satu yang dapat melindungi kita dari, dengan izin, "over spill" akibat dari peperangan di mana-mana negara di rantau ini. Dalam hal ini saya mengalu-alukan rancangan Kerajaan untuk mempertingkatkan mutu pertahanan kita melalui program yang diberi code "PERISDA".

Peruntukan sebanyak \$9 billion dalam Rancangan Malaysia Keempat perlu ditingkatkan dalam Rancangan Malaysia Kelima supaya dapat memberi kesan yang besar. Pertambahan kakitangan di dalam Tentera Udara ke 20,000 dan pembinaan pengkalan Tentera Udara baru di Subang, Selangor dan Gong Kedak di Kota Bharu merupakan langkah-langkah yang bijak dan yang bersifat pandang jauh.

Pembelian 88 unit A4 Skyhawk dari Pengkalan Tentera Udara Davis Moutain yang seterusnya perlu dibaiki ataupun dengan refurbish dan diperalatkan dengan alat pelayaran baharu yang dikenali dengan Litton AN 33-AM, satu sistem CSFBE 110-HUD dan satu laser-range finder TAV-38 dan juga penukaran 20mm Cannon itu kepada 30mm Cannon serta nose wheel steering and tail-breaking chute, pada hemat saya refurbishing ini akan memberi mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan.

Saya berharap dalam Kerajaan memilih dan membeli alat-alat serta

kapal-kapal bagi Tentera Udara kita, Kerajaan harus berhati-hati supaya jangan membeli alat-alat atau kapal-kapal tersebut berdasar semata-mata oleh kerana kos mereka adalah rendah. Jika kita ingin membeli kapal terbang-kapal terbang pejuang, kita harus membeli kapal-kapal yang baharu, bukan kapal-kapal reconditioned atau kapal-kapal reject atau kapal-kapal surplus.

Dalam pada itu saya bercadang supaya Kerajaan membeli surface-to-air missiles yang dapat memintas atau menghalangsesuatu kapal negara luar yang ingin membuat serangan ke atas negara kita memandangkan tidak ada surface-to-air missiles negara kita pada setakat ini.

Negara jiran kita seperti Singapura, Brunei dan Thailand mempunyai surface-to-air missiles ini seperti re-piers dan saya berpendapat missiles ini perlu kita adakan supaya kita dapat menentang kapal terbang pejuang negara lain misalnya MiG-23 yang digunakan oleh pihak Vietnam. Oleh itu, kita perlu membeli F-16 untuk menentang ancaman dari MiG-23 ini walaupun harganya mahal, saya rasa ini perlu bagi mempertahankan kedaulatan negara kita.

Tuan Pengerusi, kita juga perlu membeli anti-submarine aircraft seperti BA Nimrod MR-1 atau Lockheed B-3 Orient dan sebagainya supaya dapat mengawasi lautan kita walaupun kita mempunyai kapal pengawal ataupun frigate di negara kita. Pada hemat saya mereka merupakan 'sleeping duck' sahaja oleh kerana jika ada serangan dibuat oleh submarine di perairan kita, kapal pengawal yang ada tidak akan memainkan peranan yang berkesan dan juga frigate tersebut adalah frigate yang lama yang ditinggalkan, kalau saya tidak salah, oleh negara Sweden beberapa tahun dahulu. Oleh itu, kita perlu mengadakan anti-submarine maritime patrol dan search and rescue

aircraft supaya dapat mengawal perairan kita yang luas dan yang panjang.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, pada hemat saya kapal dan alat-alat yang sedia ada sekarang digunakan di dalam Tentera Udara perlu dibaharui dan ditukar. Juga dasar Kerajaan dalam sistem pertahanan perlu ditukar supaya keagongan udara (supremacy of the air) diutamakan. Pengalaman Britain dalam peperangan dunia kedua adalah terang, Britain dapat menentang pihak Jerman oleh kerana Britain dapat menguasai udara. Kita janganlah terlalu bergantung kepada pihak Australia, New Zealand atau Britain dalam hal menguasai udara kita. Oleh kerana jika sesuatu kecemasan berlaku kita tidak akan dapat buat apa-apa.

Mengenai dengan latihan pembelian 80 unit Pilates PC-7 Turbo trainers dan juga beberapa armoured car MB 339A akan memberi sumbangan yang berkesan kepada pilot-pilot kita dan saya merayu supaya latihan ini yang dijalankan di Alor Setar, Kuantan, Keluang, Kinrara dan Bukit Jugra perlu dikaji dan dinilai di semasa ke semasa supaya pilot kita diberi latihan serta pendedahan yang akhir sekali dalam industri sains dan seni penerbangan kapalterbang supaya teknologi yang baharu yang terakhir sekali diperolehi oleh pilot kita supaya melengkapkan mereka dengan sains moden supaya dapat menentang ancaman-ancaman dari luar atas kedaulatan tanah air kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

4.48 ptg.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Tuan Pengerusi, saya suka mengambil peluang untuk memberi ucapan dan jawapan sedikit bagi pihak Kementerian Pertahanan.

Ahli yang Berhormat dari Bukit Mas telah membentangkan beberapa perkara, khususnya untuk menetapkan bahawa Angkatan Tentera dan Angkatan Tentera Udara kita mempunyai kelengkapan dan alat-alat yang mencukupi untuk mempertahankan kedaulatan negara. Suka saya menerangkan, Tuan Pengerusi, bahawa Kerajaan memang sedar betapa penting dan perlunya kita menjaga ketahanan negara kita ini sebagai sebuah negara yang merdeka, sebagai sebuah negara yang memerintah dirinya, sebagai sebuah negara bahawa rakyatnya memang sentiasa mengalu-alukan kemampuan untuk menjaga keselamatannya sendiri. Dari segi itu memanglah Kementerian Pertahanan dan Kerajaan mengkaji dari semasa ke semasa untuk mengadakan kelengkapan dan alat-alat yang sesuai dan cukup dan keadaan ini dikaji dan pada masa sekarang kita berpendapat Kerajaan kita dan negara kita mempunyai alat-alat dan kelengkapan-kelengkapan yang memadai untuk menjaga ketahanan dan keselamatan negara kita ini. Walau bagaimanapun, suka juga saya menerangkan bahawa keselamatan dan keamanan negara tidak bergantung semata-mata di atas kelengkapan dan alat-alat senjata. Ianya juga bergantung kepada kemampuan rakyat kita mempunyai sosio-politik yang menahankan kedaulatan negara dan tidaklah kita terpulang dan tergantung semata-mata kepada senjata yang dipunyai oleh pihak Angkatan Tentera atau pihak Angkatan Tentera Udara. Saya tidak bercadang untuk memberi penjelasan lebih lanjut dari itu, Tuan Pengerusi, tetapi suka saya memberi penerangan juga bahawa pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas itu memang juga diberi perhatian dan pertimbangan dengan sewajarnya.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$21,921,300 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pertahanan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$21,921,300 untuk maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$218,570,308 yang disebutkan dalam Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$218,570,308 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.28 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.27 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.28 dan P.27 dan P.28 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.50 ptg.

**Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh):** Tuan Pengerusi, saya ingin memberikan pandangan saya mengenai Maksud Bekalan B.28 Kementerian Pelajaran di mana wang sejumlah \$5 juta telahpun dibelanjakan untuk tujuan-tujuan pengurusan Kementerian ini. Saya berharaplah agar tambahan sebanyak \$5 juta itu ada memberikan faedah

serta mengambil kira tentang usaha dan tugas pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran untuk memikirkan dan mencari jalan supaya lebih ramai lagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran Kategori B1, B2, B3; C1, C2, C3; D1, D2 diberikan peluang-peluang naik pangkat. Saya berkata. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, yang \$5 million itu ialah untuk membiayai perbelanjaan mengurus bagi Universiti Utara Malaysia, bukan naik pangkat atau lain-lain. Entahlah, barangkali saya silap, tetapi \$5 million itu rasa saya untuk Universiti Utara Malaysia. . . . .

**Tuan Khadri bin Sabran:** Universiti Utara.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jadi naik pangkat itu terkeluarlah.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Saya mungkin tersilap, Tuan Pengerusi. Terima kasih atas teguran kerana benda ini terlampau banyak Tuan Pengerusi, jadi bercampur. Walau bagaimanapun, kalau ianya tidak termasuk, saya berpindah kepada Maksud B.28, Butiran 8 atas tajuk Rumah Guru Luar Bandar, perbelanjaan yang telah dibelanjakan sebanyak \$6,452,700; muka surat 48 dan 49, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila teruskan.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Terima kasih. Saya ingin tahu wang sejumlah \$6,452,700 ini, saya kira merupakan sejumlah wang yang besar dan saya ingin tahu Rumah Guru di mana dibuat, adakah ianya dibuat di kawasan bandar atau adakah ianya dibuat di kawasan luar bandar? Saya berkata demikian kerana kawasan-kawasan luar bandar, terutama kawasan yang jauh di luar bandar dan juga kawasan-kawasan pulau, termasuk kawasan-kawasan rancangan tanah FELDA yang baru dibuka, buat

masa ini masih tidak mempunyai Rumah-rumah Guru.

Guru-guru di kawasan-kawasan ini, di kawasan FELDA umpamanya, terpaksa buat sementara waktu tinggal di rumah-rumah peneroka sedangkan FELDA dari masa ke semasa menghadapi tekanan daripada mereka yang berjaya untuk masuk ke dalam rancangan tanah FELDA. Rumah-rumah tersebut digunakan oleh para guru kerana guru-guru yang ditugaskan mengajar di dalam kawasan rancangan tanah FELDA ini tidak berumah, tidak disediakan dengan Rumah Guru.

Begitu juga keadaannya dengan kawasan-kawasan jauh terpencil di luar-luar bandar, misalnya di kawasan penempatan Orang-orang Asli. Guru-guru terpaksa tinggal di balai-balai raya, guru-guru terpaksa menumpang di rumah Orang-orang Asli. Kerana mereka cintakan pelajaran, mahukan anak-anak diberikan pelajaran dan pendidikan agar anak-anak tersebut dapat mewarisi negara pada masa-masa yang akan datang dengan baik, mereka hendak tidak hendak terpaksa tinggal di dalam keadaan yang menyedihkan walaupun Kementerian Pelajaran hanya dari masa ke semasa menyatakan kepada masyarakat umum bahawa Kementerian Pelajaran akan mempertimbangkan lebih banyak luang-luang kenaikan pangkat kepada mereka, serta meminta guru-guru ini supaya bertugas dengan lebih rajin, lebih baik sedangkan rumah mereka tidak disediakan, sedangkan janji-janji untuk memperbanyakkan luang-luang kenaikan pangkat kepada mereka sehingga ini belum nampak, belum jelas lagi ada.

Itu sebabnya saya rasa ramai bilangan guru-guru, terutamanya mereka yang terdiri daripada guru-guru Kategori C2, guru-guru yang terdiri daripada Kategori D1 meninggalkan perkhidmatan masing-masing kerana mereka kecewa

dengan keadaan perkhidmatan di dalam Kementerian Pelajaran ini. Mereka diminta untuk bertugas jauh di kawasan luar bandar, Rumah Guru tidak disediakan; mereka bertugas juga, mengajar juga, mereka dijanjikan untuk memperbanyakkan luang-luang kenaikan pangkat tetapi nampak gayanya sekarang luang-luang kenaikan pangkat kepada mereka tidak juga kunjung tiba, akibatnya mereka meninggalkan perkhidmatan tersebut.

Jadi saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Kerajaan pada masa-masa yang akan datang menitikberatkan tentang pembinaan Rumah-rumah Guru ini, terutamanya di kawasan-kawasan yang jauh di luar bandar dan juga kawasan-kawasan penempatan berkelompok seperti kawasan FELDA yang baru dibuka, juga kawasan-kawasan pulau. Penyediaan rumah-rumah guru di kawasan-kawasan seumpama ini merupakan salah satu insentif kepada guru-guru tersebut. Apabila saya sebutkan berkaitan insentif ini, suka juga saya mencadangkan kepada Kementerian supaya pada masa-masa yang akan datang guru-guru yang berkhidmat di kawasan-kawasan jauh di luar bandar dan juga kawasan-kawasan pulau diberikan insentif yang berbentuk bukan sahaja Rumah Guru tetapi insentif yang berbentuk lain, ada elau perjalanan atau yang seumpamanya.

Itu sahaja, Tuan Pengerusi, yang dapat saya cadangkan dan gambarkan berkaitan dengan Maksud B.28, Butiran 8.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sila jawab.

4.57 ptg.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah

mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kementerian Pelajaran serta memberikan pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian ini.

Soalan daripada Yang Berhormat dari Tenggaroh mengenai Rumah Guru-guru yang diperlukan kepada guru-guru yang tinggal jauh dari sekolah dan luar bandar dan perkara-perkara yang lain akan dicatat dan akan diberikan perhatian dan pertimbangan. Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sesuai di mana yang perlu.

Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran, pandangan-pandangan yang membina dan sokongan kepada Kementerian Pelajaran.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,000,000 untuk Maksud B.28 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$5,000,000 untuk Maksud B.28 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.27 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$180,000,040 yang disebutkan dalam Maksud P.28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian

daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983, dan wang sebanyak \$180,000,040 untuk Maksud P.28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.29 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.29 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.29 dan P.29 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab tiada perbincangan, saya akan kemukakan masalah. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$23,448,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$23,448,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$6,132,500 yang disebutkan dalam Maksud P.29 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$6,132,500 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.32 dan B.33 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.30 dan P.33 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan B.32 dan

B.33 dan Maksud Pembangunan P.33 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

(Tiada perbincangan).

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,011,600,000 untuk Maksud B.32 dan \$676,500 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,011,600,000 untuk Maksud B.32 dan \$676,500 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10,025,040 yang disebutkan dalam Maksud P.30 dan \$4,888,890 dalam Maksud P.33 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10,025,040 untuk Maksud P.30 dan \$4,888,890 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud P.35 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.35 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$34,847,010 untuk Maksud P.35 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$34,847,010 untuk Maksud P.35 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.36 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.35 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.36 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud B.36 dan 35 dan P.36 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$25,000,000 untuk Maksud B.36 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$25,000,000 untuk Maksud B.36 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P.35 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$80 yang disebutkan dalam Maksud P.36 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P.35 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983; dan wang sebanyak \$80 untuk Maksud P.33 diluluskan jadi sebahagian daripada

Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.41 (Jadual Pertama)—*

*Maksud B.37, B.38 dan B.41 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.37, P.38, P.39, P.42 dan P.43 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Maksud B.41 Tambahan Kedua, 1983; B.37, B.38 dan B.41 Tambahan Pertama 1984 dan P.37, P.38, P.39, P.42 dan P.43 Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

**Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Perkara Kepala B.38 mengenai Polis Di Raja Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** P.38?

**Tuan Gooi Hock Seng:** B.38, tentang Polis di Raja Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri telah berjanji kepada orang ramai beberapa hari dahulu bahawa Kerajaan akan memecat anggota-anggota polis termasuk pegawai-pegawai yang menyalahgunakan kuasa mereka serta melibatkan diri dalam amalan curang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itu tidak bersangkutan dengan perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Pengerusi, saya cuba mengambil perhatian Tuan Pengerusi tentang Maksud B.38, muka surat 23, tentang . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Kertas Perintah yang mana?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Anggaran Perbelanjaan Tambahan Pertama 1984, muka 23.

**Tuan Pengerusi:** Saya cari tidak jumpa.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Kertas Perintah 33.

**Tuan Pengerusi:** 33, muka surat?

**Tuan Gooi Hock Seng:** 23.

**Tuan Pengerusi:** Item?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Item—Emolumen, Butiran 1300 Tambahan Kos Kakitangan khususnya perkara (c)—Unit Keselamatan Kawasan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi apakah yang bersangkutan dengan apa yang Yang Berhormat katakan tadi?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Dengan prestasi anggota-anggota unit ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa jikalau kita hendak bahaskan dalam Jawatankuasa ialah di atas wang yang diperuntukkan ini sahaja, sama ada wang yang diperuntukkan ini yang telah betul digunakan atau tidak. Sila lihat Peraturan Mesyuarat 67 (9), "dalam Jawatankuasa hendaklah terhad kepada butir-butir terkandung di dalam anggaran belanja yang diminta diuntukkan belanja tambahan, perbahasan ini tidak boleh menyentuh dasar atau perbelanjaan" yang lain. Tentang itu sahaja. Kalau sekiranya Yang Berhormat hendak berucap berkenaan dengan prestasi yang telah pun dijanjikan, siapa-siapa yang hendak dibuang kerja dan sebagainya, yang baru-baru sahaja yang berlaku, itu tidak bersangkutan.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Pengerusi, kalau boleh saya hendak pindah kepada Maksud Kepala P.38, iaitu tentang pembangunan, Kertas Perintah 37, Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1984.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Muka surat 66, Butiran 13, di bawah tajuk Kelengkapan, Senjata Api dan Peluru. Tentang kegunaan senjata api.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat 66.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Muka surat 66, Butiran 13, di bawah Maksud P.38—Polis Di-Raja Malaysia.

**Tuan Pengerusi:** Apa yang hendak disentuh di situ?

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tentang kegunaan senjata api oleh anggota Polis.

**Tuan Pengerusi:** Pada penglihatan saya, tidak ada permintaan tambahan di situ. Cuba tengok di hujung itu, Tambahan Pertama 1984 tidak ada permintaan di situ.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Kalau begitu saya tidak mahu cakaplah, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya minta maaf kalau sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat berasa ini terlampau hendak strict tetapi saya terpaksa menjalankan kuatkuasa Peraturan Mesyuarat sebagaimana yang telah pun diamanahkan kepada saya. Kalau saya membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap tidak mengikut Peraturan Mesyuarat bermakna saya tidak menunaikan kewajipan yang ditugaskan kepada saya.

Yang sebenarnya, benda ini dihadkan bukan lama, dua hari sahaja dalam Jawatankuasa. Tujuannya ialah kemungkinan hendak adakan perbahasan-perbahasan ataupun perdebatan-perdebatan yang panjang-panjang itu tidak ada, kerana terhad kepada perbahasan di atas wang-wang yang telah pun digunakan, itu sahaja hendak minta diluluskan. Pada fikiran saya yang boleh dibahaskan sama ada wang-wang itu telah pun digunakan

dengan kebijakannya ataupun terkeluar daripada tujuan asal ataupun tersalah kegunaan dan sebagainya. Itu sahaja.

Kalau sekiranya kita hendak minta kegunaan atau wang-wang baru, rumah baru, naik pangkat dan sebagainya, tidak jadilah, terkeluarlah daripada tujuan asal.

**Tuan Gooi Hock Seng:** Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin menyentuh adalah perkara yang lepas iaitu tentang Tien Teik Estate.

**Tuan Pengerusi:** Yalah, tetapi itu tidak masuk di dalam perkara yang kita berbincang pada hari ini melainkan jikalau sekiranya ada permohonan sebanyak beberapa untuk hendak menyelesaikan apa-apa soal bersangkutan dengan Tien Teik Estate itu, ya—boleh. Ini tidak ada. Bahkan tidak ada langsung berkenaan dengan permintaan tambahan berkenaan dengan senjata api dan peluru dalam Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1), 1984.

Ahli-ahli Yang Berhormat, ada siapa yang lain-lain hendak bercakap.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$611,860 untuk Maksud B.41 jadi sebahagian daripada Jadual Pertama, dan wang sejumlah \$1,442,192 untuk Maksud B.37, \$11,422,000 untuk Maksud B.38 dan \$956,800 untuk Maksud B.41 jadi sebahagian daripada Jadual Kedua di bawah Kementerian Dalam Negeri hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$611,860 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama, dan wang sebanyak \$1,442,192 untuk Maksud B.37, \$11,422,000 untuk Maksud B.38 dan \$956,800 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,645,800 yang disebutkan dalam Maksud P.37; \$10 dalam Maksud P.38; \$2,300,000 dalam Maksud P.39; \$80 dalam Maksud P.42 dan \$1,000,010 dalam Maksud P.43 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,645,800 untuk Maksud P.37, \$10 untuk Maksud P.38, \$2,300,000 untuk Maksud P.39, \$80 untuk Maksud P.42 dan \$1,000,010 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.45 (Jadual Pertama)—*

*Maksud P.45 dan P.46 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.46 dan P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud B.45, P.45 dan P.46 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), (1983) dan P.46 dan P.47 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), (1984) di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

5.15 ptg.

**Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh P.46 Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama, 1984 yang terdapat di muka 70, Kertas Perintah 37 Tahun 1984, Butiran 5 Tajuk—Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap. Muka surat 37.

**Tuan Mutang Tagal:** Muka surat 70, Kertas Perintah 37.

**Tuan Pengerusi:** Butiran?

**Tuan Mutang Tagal:** Butiran 5—Berita Nasional Malaysia—(BERNAMA).

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Malaysia telah dipuji oleh beberapa negara di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu di New York berhubung dengan sumbangan Malaysia kepada, dengan izin, "New World Information And Communication Order" di rantau ini melalui ASIA VISION.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana kejayaan yang telah dicapai ini. Saya berharap agar kejayaan ini akan menjadi teladan dan galakan kepada Kementerian dalam usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan prestasi bukan sahaja di negara ini tetapi di rantau Asia dan di seluruh dunia amnya.

Tuan Pengerusi, media-massa dunia setakat ini sudah dipengaruhi dan dikawal oleh media-massa barat. Berita-berita serta peristiwa-peristiwa yang berlaku di negara kita khususnya dan rantau ASEAN amnya diputar belitkan oleh para wartawan negara barat hingga media-massa negara barat menerbit ulasan berita dan peristiwa yang tidak benar mengenai negara-negara dunia ketiga khususnya negara kita.

Tuan Pengerusi, saya bercadang supaya langkah-langkah yang lebih berkesan lagi diambil oleh Kementerian dengan kerjasama Kementerian . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya minta maaf. Kalau kita tengok di bawah Maksud P.46 itu, di bawah Butiran 5, tidak ada Anggaran Tambahan yang diminta. Tetapi yang diminta ialah di bawah 6 iaitu sebanyak \$2,500,000.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Pengerusi, saya rasa pinjaman \$2.5 juta ini adalah pinjaman secara langsung kepada Berita Nasional Malaysia di bawah Butiran 5, di muka surat 71 kita terdapat senarai yang terang . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Pendahuluan simpanan luar jangka waran. Yang Berhormat bolehkah menerangkan apakah tujuan \$2,500,000 ini. Jangan bercakap perkara-perkara lainlah.

**Tuan Mutang Tagal:** Tuan Pengerusi, saya rasa \$2.5 juta ini adalah berkaitan dengan Berita Nasional Malaysia secara pinjaman Tambahan Pertama 1984 dan saya rasa BERNAMA atau Berita Nasional Malaysia ada mempunyai kaitan dengan penyusunan berita-berita bukan sahaja di negara ini tetapi di antara negara-negara di rantau ASEAN dan juga di seluruh dunia dan saya rasa ini ada kaitan dengan tajuk yang ingin saya kemukakan.

**Tuan Pengerusi:** Sekiranya \$2.5 juta itu digunakan untuk apa Yang Berhormat kata tadi bolehlah, adalah sesuai—bersangkut. Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehkah menerangkan wang ini untuk apa?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak \$2.5 juta ini ialah untuk projek Copy Processing System BERNAMA iaitu Sistem Komputer BERNAMA yang telah diperolehi tahun ini dan peruntukan tambahan ini telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Computer System BERNAMA?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Ya. Projek Copy Processing System BERNAMA yang mana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tidak ada kena mengena langsung.

**Tuan Pengerusi:** Tidak bersangkut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tidak bersangkut.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tidak bersangkut. Pada fikiran saya pun tidak bersangkut.

**Tuan Mutang Tagal:** Pada pendapat saya Sistem Copy Processing yang dibeli ataupun komputer itu yang digunakan supaya dapat memperingkatkan mutu perkhidmatan BERNAMA. Saya rasa itu dapat digunakan walaupun saya tidak menyentuh tentang mungkin pembelian computer itu tetapi saya rasa computer itu akan digunakan supaya mutu perkhidmatan BERNAMA dapat dipertingkatkan pada masa yang akan datang.

**Tuan Pengerusi:** Saya ingat, pada fikiran saya tidak bersangkut. Tidak boleh ditarik-tarik terlampau panjang begitu.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$73,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$73,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Pertama.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.45 dan \$17,558,099 dalam Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$2,500,000 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dan \$40 dalam Maksud P.47 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.45 dan \$17,558,099 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983, dan wang sebanyak \$2,500,000 untuk Maksud P.46 dan \$40 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud P.49 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Pembangunan P.49 di bawah Kementerian Buruh terbuka untuk dibahas.

Saya rasa \$10 itu token sahaja, jadi kita tidak boleh bahaslah apa yang hendak gunakan kerana itu token.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.46 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Buruh hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.52 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.52 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Pembangunan B.52 dan P.52 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$5,281,052 untuk Maksud B.52 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi

sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$5,281,052 untuk Maksud B.52 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.52 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.52 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.55, B.57 dan B.58 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.51 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.53, P.54 dan P.57 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B.55, B.57, B.58 dan P.51, P.53, P.54, P.57 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,222,200 untuk Maksud B.55; \$574,456 untuk Maksud B.57 dan \$5,789,200 untuk Maksud B.58 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,222,200 untuk Maksud B.55; \$574,456 untuk Maksud B.57 dan \$5,789,200 untuk Maksud

B.58 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.51 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$19,035,822 yang disebutkan dalam Maksud P.53; \$11,555,610 dalam Maksud P.54 dan \$80 dalam Maksud P.57 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.51 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983; dan wang sebanyak \$19,035,822 untuk Maksud P.53; \$11,555,610 untuk Maksud P.54 dan \$80 untuk Maksud P.57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud P.59 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.59, P.60 dan P.61 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Pembangunan P.59 untuk Tambahan Kedua 1983, P.59, P.60, P.61 Tambahan Pertama 1984 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$50,220,761 yang disebutkan dalam Maksud P.56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan sebanyak \$103,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P.59; \$300,000,000 dalam Maksud P.60 dan \$420,000 dalam

Maksud P.61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$50,220,761 untuk Maksud P.59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983, dan wang sebanyak \$103,000,000 untuk Maksud P.59; \$300,000,000 untuk Maksud P.60 dan \$420,000 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.62 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B.62 dan P.62 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$163,910 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$163,910 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$80,610 yang disebutkan dalam Maksud P.62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$80,610 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.63 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.62 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.63 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B.63, Maksud Pembangunan P.62 dan P.63 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$12,280,189 untuk Maksud B.63 di bawah Kementerian Kerjaraya jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,280,189 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$20 yang disebutkan dalam Maksud P.26 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983, dan perbelanjaan sebanyak \$174,634,102 yang disebutkan dalam Maksud P.63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983; dan wang sebanyak \$174,634,102 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud B.64 (Jadual Kedua)—*

*Maksud P.64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B.64 dan P.64 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,200,200 untuk Maksud B.64 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual Kedua hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$1,200,200 untuk Maksud B.64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual Kedua.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$8,030,250 yang disebutkan dalam Maksud P.64 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$8,030,250 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Maksud P.64 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983)—*

*Maksud P.65 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan Pembangunan P.64 dan P.65 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Ya, sila.

5.32 ptg.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan P.65, tambahan kepada perbelanjaan yang telah pun dilaksanakan bagi tahun 1984.

**Tuan Pengerusi:** Kertas Perintah berapa itu?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** P.65, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tahulah, dalam Kertas Perintah berapa, 37?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Muka surat 4, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja berkenaan dengan pengawasan tambahan peruntukan bagi pembinaan jalan di luar bandar. Sekiranya boleh, apabila jalan itu telah siap, pengawasan dari segi penggunaan supaya tidak ada pergaduhan di antara pengguna jalan itu sendiri. Saya telah mendapat banyak aduan di mana apabila jalan yang telah disiapkan oleh Kementeriaan Pembangunan Negara dan Luar Bandar ini lori masuk, kereta besar masuk, jadi tidak ada pengawasan langsung menyebabkan jalan itu rosak, jadi inilah yang menjadi masalah. Saya berharap kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya membuat satu program cara . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat bercakap di atas \$10 itukah?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tidak, P.65 yang \$35,803,442 untuk tambahan tahun 1984.

**Tuan Pengerusi:** Tak ada tambahan itu. Cuba tengok di hujung muka surat 127 itu tak ada. Saya pun tak tahulah cara-cara hendak membuat kemukakan penyata-penyata ini. Jika

tak ada, pada fikiran saya patut tak adalah di sini. Ini tak ada pun, ada juga. (*Ketawa*)

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Muka surat 127, Tuan Pengerusi, anggaran untuk 1984, termasuk Pindah Peruntukan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat baca yang mana itu, Kertas Perintah 37?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** 127.

**Tuan Pengerusi:** 127. 126lah ya, sekarang Maksud P.65?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Ya, P.65.

**Tuan Pengerusi:** Butiran yang mana?

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Tidak, P.64.

**Tuan Pengerusi:** P.64 itu \$10 sahaja.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** P.65.

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tambahan sebanyak \$35 juta lebih itu, iaitu dalam muka surat 127 mengenai peruntukan kepada pembinaan jalan-jalan di luar bandar. Jadi, saya ingin menekankan tentang pengawasan.

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Di mana ada perjalanan luar bandar itu tentang mana, Butiran berapa?

**Tuan Mohammad Yahya bin Lampong:** Tuan Pengerusi, sebenarnya apa yang dimaksudkan

oleh Yang Berhormat itu ialah muka surat 130.

**Tuan Pengerusi:** 130.

**Dato Mohammad Yahya bin Lampong:** Butiran 23, 25 dan 26.

**Tuan Pengerusi:** Ya, itu dia yang betul, 23 . . . . .

**Dato Mohammad Yahya bin Lampong:** 25 dan 26.

**Tuan Pengerusi:** 25 dan 26. Ya, sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Yahya bin Haji Zakaria:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya tidak hendak meneruskan. Saya cuma tadi bila melihatkan peruntukan itu saya tidak nampak tentang 23, 26, tetapi saya tahu maksudnya adalah untuk pengawasan jalan-jalan di luar bandar dan saya menekankan, saya minta Kementerian supaya mengadakan satu jadual atau program cara mana jalan yang sudah diperuntukkan dibuat itu tidak rosak dengan cepat. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Baik, Jawapan— akan dibaikilah! (*Ketawa*)

5.38 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohammad Yahya bin Lampong):** Tuan Pengerusi, sebenarnya kita tidak mengawal tentang siapakah yang hendak menggunakan jalan itu sebab ada lori yang menggunakan, ada kereta, ada motosikal dan ada basikal. Walau bagaimanapun, kita berusaha dan kita ambil perhatian pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya, ambil perhatian berat.

Masalahnya ialah perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P.64 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua bagi tahun 1983; dan perbelanjaan

sebanyak \$35,803,442 yang disebutkan dalam Maksud P.65 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 2), 1983; dan wang sebanyak \$35,803,442 untuk Maksud P.65 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1984.

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,233,540,944 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$68,543,600 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah

\$1,164,997,344 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

**Bacaan Kali Ketiga**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1983 dan 1984) dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL**

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah

menimbangkan Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa \$1,233,540,944 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$68,543,600 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$1,164,997,344 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul yang dikemukakan di atas nama Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tidak lebih daripada \$1,233,540,944 diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan—

- (1) bagi tahun kewangan 1983, untuk menampung sejumlah \$68,543,600 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Kedua 1983 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 35 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas; dan
- (2) bagi tahun kewangan 1984, untuk menampung sejumlah \$1,164,997,344 bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruangan pertama dan kedua penyata Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 Tahun 1984 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruangan sepuluh dan sebelas.

## RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.44 ptg.*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang

bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan, 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah, 1976, Ordinan Setem, 1949, Ordinan Setem (Sabah), Ordinan Setem (Sarawak), Enakmen Duti Harta Pusaka, 1941, Ordinan Duti Harta Pusaka (Sabah), Ordinan Duti Harta Pusaka (Sarawak) dan Akta Kewangan (Duti Harta Pusaka) 1980 dan bagi mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali kedua sekarang.

Pindaan-pindaan ini adalah bagi menguatkuasakan cadangan-cadangan cukai yang dibuat dalam Belanjawan 1985 yang telah dikemukakan dalam ucapan Belanjawan di Dewan yang mulia ini pada 19hb Oktober baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mohon memberi penjelasan tentang beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui Rang Undang-undang ini.

Fasal 4 meminta seksyen 3A, Akta Cukai Pendapatan, 1967 supaya menaikkan hak franking untuk cukai keuntungan lebih berkenaan dengan individu-individu dari \$100,000 kepada \$300,000. Pindaan juga dibuat untuk menghapuskan pengenaan cukai keuntungan lebih atas bayaran tertentu yang dibuat kepada orang bukan pemastautin di negara ini.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 4A Akta bagi membolehkan bayaran yang dibuat kerana menyewa filem wayang gambar dikecualikan dari cukai pendapatan oleh kerana bayaran ini telah dikenakan duti sewa filem.

Fasal 6 meminda Seksyen 6A Akta yang bertujuan membantu golongan berpendapatan rendah telah mengkhususkan rebate cukai kepada seseorang individu yang mempunyai pendapatan dikenakan cukai tidak

melebihi \$10,000. Bagi isteri yang memilih taksiran secara berasingan, syarat-syarat yang sama adalah digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, masa kini kemudahan tambahan percuma yang dikenakan cukai adalah dihadkan kepada sekali sahaja bagi perjalanan di antara Malaysia dan mana-mana tempat di luar Malaysia dan tiga perjalanan di dalam Malaysia dalam mana-mana tahun kalendar. Fasal 7 bertujuan menentukan bahawa kemudahan tambang percuma tersebut hanya boleh dinikmati apabila tiket bagi perjalanan itu dikeluarkan oleh syarikat penerbangan kebangsaan negara ataupun apabila lawatan secara kumpulan diambil, destinasi-destinasi terjauh sekali dari Malaysia dan ke Malaysia yang diliputi oleh syarikat penerbangan kebangsaan Malaysia adalah dibuat dengan menaiki syarikat penerbangan negara kita.

Di bawah Seksyen 36 Akta tersebut Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berkuasa mengarahkan supaya layanan khusus diberi dalam perhitungan pendapatan perniagaan dengan hal-hal tertentu. Fasal 9 bercadang meminda seksyen ini supaya transaksi pajakan berhubung dengan harta alih dimasukkan ke dalam seksyen ini. Berikutan dari pindaan ini Ketua Pengarah akan berkuasa meletakkan peraturan dan garis panduan berhubung dengan transaksi pajakan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 10 bercadang meminda Seksyen 39 Akta yang menurutnya "amaun" sewa yang dibayar bagi kenderaan motor sewa yang dibenarkan sebagai potongan tidaklah melebihi perbelanjaan kelayakan bagi kenderaan motor yang akan dihadkan kepada \$25,000.

Fasal 11 meminda subseksyen (6), Seksyen 44 Akta yang bertujuan membenarkan potongan cukai untuk segala dermaan dalam bentuk wang

tunai yang dibuat kepada pihak berkuasa tempatan.

Fasal 12 bertujuan meminda Seksyen 48 supaya "relief" untuk anak-anak dari \$800, \$700, \$600, \$500 dan \$400 untuk lima orang, anak yang pertama kepada \$650 dan \$750 bagi anak yang kedua dan \$800 bagi tiap-tiap seorang bagi tiga orang anak seterusnya.

Fasal 13 meminda Seksyen 54A yang bertujuan memastikan bahawa pengecualian cukai yang diberi kepada industri perkapalan, hanya dinikmati oleh seseorang pemastautin sahaja yang mengendalikan kapal-kapal Malaysia. Takrif baharu kapal Malaysia khususnya telah mengeluarkan "bot-bot" atau "vesel-vesel" kategori tertentu dari takrif ini.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 15 meminda Jadual 1 kepada Akta yang bertujuan mengubah kadar-kadar cukai pendapatan berkenaan dengan orang-orang individu. Kini kadar-kadar cukai bagi seseorang individu yang bermastautin di negara ini ialah di antara 6% bagi pendapatan dikenakan cukai yang pertama sebanyak \$2,500 hingga 55% bagi pendapatan dikenakan cukai melebihi \$100,000. Kadar baharu yang dicadangkan ialah 5% bagi \$2,500 yang pertama hingga 40% bagi pendapatan yang dikenakan cukai melebihi \$100,000.

Fasal 16 dan 18 menyentuh kedudukan perbelanjaan mencarigali. Peraturan sekarang ialah perbelanjaan mencarigali tidak dibenarkan sebagai potongan sehingga projek yang dijalankan itu telah mencapai tahap pengeluaran. Dalam keadaan ini seseorang itu boleh menuntut elaun melombong di bawah Jadual 2 kepada Akta. Jika sekiranya usaha tersebut telah gagal, maka potongan dari pendapatan aggregate selama semasa menghitung jumlah pendapatan akan dibenarkan menurut Jadual 4 kepada Akta ini.

Fasal bertujuan meminda Jadual 4 kepada Akta tersebut supaya seseorang diberi pilihan menuntut perbelanjaan mencarigali sama ada secara potongan setiap tahun dari pendapatan aggregatonya ataupun secara potongan dari pendapatan aggregate apabila usaha mencarigali telah gagal. Seseorang yang memilih potongan tahunan apabila projek ini berjaya, kesemua perbelanjaan itu akan dicampur dengan pendapatan aggregate itu tetapi elaun melombong pula akan diberi menurut Jadual 2 kepada Akta ini.

Fasal 16 meminda perenggan 2, Jadual 2 kepada Akta yang bertujuan memastikan bahawa tiada apa-apa elaun melombong diberikan di bawah Jadual jika sekiranya perbelanjaan mencarigali yang dibenarkan sebagai potongan tidak dicampur kembali dengan pendapatan aggregate apabila projek itu telah berjaya.

Fasal 17 bertujuan meminda perenggan 2, Jadual 3 kepada Akta supaya menaikkan "amaun" perbelanjaan kelayakan bagi maksud elaun modal dibenarkan dengan kenderaan motor dari \$15,000 kepada \$25,000.

Fasal 19 bertujuan membuat beberapa pindaan kepada Bahagian 1 Jadual 6 kepada Akta. Fasal ini bercadang meminda perenggan 1A supaya pengecualian cukai pendapatan diberi kepada emolument rasmi bagi Permaisuri kepada seseorang Raja Negeri yang mempunyai gelaran "Raja Permaisuri". Fasal ini seterusnya bercadang memasukkan satu peruntukan baharu ke dalam perenggan 30 iaitu menghadkan pengecualian cukai ke atas pencen kepada satu pencen yang tertinggi di antara beberapa pencen yang dinikmati oleh seseorang itu.

Fasal ini juga bertujuan meminda perenggan 32 supaya had pengecualian cukai ke atas royalty berpunca dari

terbitan apa-apa karya sastera atau kerja berseni dinaikkan dari \$3,000 kepada \$6,000.

Fasal ini juga selanjutnya mencadangkan kemasukan satu perenggan baharu iaitu 32A yang bertujuan memberi pengecualian cukai kepada pendapatan sebanyak \$3,000 yang diperolehi dari terjemahan yang dibuat atas permintaan khususnya dari agensi Kerajaan yang tertentu. Walau bagaimanapun jika sekiranya pembayaran ini merupakan sebahagian daripada emolumen rasmi seseorang penterjemah itu maka pengecualian cukai tidak akan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 21 bertujuan meminda Seksyen 13 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 supaya menghapuskan cukai pembangunan sebanyak 5% yang dilevikan ke atas bayaran-bayaran tertentu yang dibuat kepada bukan pemastautin.

Kini seseorang selain dari orang individu yang bukannya seseorang warganegara dan bukannya seorang pemastautin tetap apabila menjual hartanya yang boleh dikenakan cukai di mana tempoh perolehan harta itu yang melebihi 6 tahun tidak akan dikenakan cukai keuntungan harta ke atasnya.

Fasal 23, bertujuan meminda Jadual 5 kepada Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 supaya harta yang dijual oleh syarikat selepas tahun keenam dari tarikh perolehan harta itu akan tertakluk juga kepada cukai keuntungan yakni hartanah sebanyak 5%.

Fasal 25 sehingga Fasal 33 adalah berkaitan dengan pindaan ke atas peruntukan Ordinan Setem 1948.

Fasal 25 meminda seksyen 2 Ordinan Setem 1949, yang bertujuan memasukkan Surat Hipotekasi di bawah istilah "gadaijanji saksama"

supaya ianya boleh dimasukkan ke dalam Jadual Pertama sebagai satu butiran caj yang baru.

Fasal 26, 27, 28 dan 30 bercadang untuk menyelaraskan kadar-kadar duti dengan kadar tetap yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

Fasal 29 dan 32 pula mencadangkan satu peruntukan untuk mencegah perbuatan mengelak cukai yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 33 (a) akan menyelaraskan kadar duti berkenaan dengan suratcara jaminan yang digunakan mengikut Kanun Syariah dengan amalan biasa.

Fasal 33 (b) akan membolehkan duti *advalorem* dikenakan ke atas "gadaijanji" mengenai stok dan sekuriti yang boleh dipasarkan.

Fasal 33 (c) bercadang mengemukakan satu butiran caj yang baru di bawah Jadual Pertama berkenaan dengan surat "hipotekasi".

Fasal 33 (d), mencadangkan supaya polisi insurans nyawa di mana jumlah yang diinsurankan tidak melebihi \$5,000 dikecualikan dari duti setem.

Fasal 49 bercadang menambahkan lagi tempoh yang membolehkan hadiah dikecualikan dari duti harta pesaka dari 5 tahun kepada 7 tahun yang berkenaan dengan hadiah yang diberi melalui penyelesaian perkahwinan sekiranya hadiah tersebut diberi dalam tempoh 7 tahun sebelum kematian, maka ia akan dianggap sebagai sebahagian dari harta pesaka si mati dan harta pesaka akan dilevy.

Fasal 61 mencadangkan supaya seksyen 4 Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 yang membenarkan potongan kerana perbelanjaan pengurusan mayat dihapuskan oleh kerana had pengecualian telah dinaikkan.

Fasal 62 dan 63 meminda Jadual Pertama dan Jadual Kedua kepada Akta yang bertujuan menaikkan had pengecualian dari \$600,000 kepada \$2,000,000 bagi seseorang yang mati berdomisil di negara ini dan dari \$120,000 kepada \$400,000 bagi seseorang yang mati berdomisil di luar Malaysia. Kadar-kadar duti juga diubah dari 12% sehingga 60% dan 5% sehingga 6% bagi yang berkenaan kepada 5% dan 10% untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, lain-lain fasal adalah merupakan pindaan yang diperlukan bagi melengkapkan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kewangan 1984 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

6.06 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan perkara mengenai struktur cukai yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi.

Kajian ke atas struktur cukai yang baru menunjukkan bahawa ia memberi lebih faedah kepada golongan berpendapatan tinggi daripada golongan berpendapatan rendah. Ia hanya melebarkan jurang perbezaan di antara kedua-dua golongan itu. Jelasnya pengurangan cukai pendapatan perseorangan tidak akan mengurangkan banyak beban golongan yang miskin. Sebaliknya, ia akan menambahkan pendapatan perlepasan cukai golongan yang kaya dengan besarnya.

Saya akan memberikan beberapa contoh mengenai pendirian saya dengan anggapan bahawa kesemua mereka yang pertama yang telah berkahwin, kedua yang mempunyai tiga anak dan yang ketiga yang menerima satu bulan bonus.

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan dengan gaji bulanan sebanyak \$1,000, mengikut sistem pencukaian sekarang pendapatan yang dikenakan cukai adalah \$2,730 dan cukai yang perlu dibayar selepas rebet cukai ialah \$80. Di bawah sistem cukai yang dicadangkan, cukai yang perlu dibayar adalah \$38 selepas rebet cukai. Pengurangan dari cukai yang perlu dibayar adalah \$42 atau 52.5% daripada cukai yang perlu dibayarnya sekarang.

Bagi golongan berpendapatan sebulan sebanyak \$10,000, di bawah sistem pencukaian sekarang, pendapatan yang dikenakan cukai adalah \$117,400 dan cukai yang perlu dibayar adalah \$47,620 selepas rebet cukai dan di bawah sistem cukai yang dicadangkan sekarang cukai yang perlu dibayar telah dikurangkan menjadi kira-kira \$32,635.

Bagi golongan pendapatan bulanan sebanyak \$20,000 di bawah sistem pencukaian sekarang pendapatan yang dikenakan cukai adalah \$247,400 dan cukai yang perlu dibayar adalah \$119,030 selepas rebet cukai. Di bawah sistem pencukaian yang dicadangkan sekarang, beliau telah dikurangkan kepada kira-kira \$84,635.

Daripada contoh-contoh yang saya telah berikan tadi adalah jelas bahawa walaupun mereka yang berpendapatan \$1,000 sebulan akan menikmati 52.5% pengurangan dari cukai yang perlu dibayar. Mereka yang menerima pendapatan bulanan sebanyak \$10,000 dan \$20,000 akan menikmati pengurangan cukai sebanyak kira-kira 31% dan kira-kira 29% masing-masing, faedah sebenarnya yang dinikmati oleh golongan yang

berpendapatan tinggi adalah jauh lebih tinggi daripada golongan yang berpendapatan rendah.

Sistem cukai pendapatan yang baru ini menyebabkan suatu pengurangan cukai sebanyak \$42 untuk mereka yang berpendapatan \$1,000 sebulan. \$14,895 untuk mereka yang berpendapatan \$20,000 sebulan. Daripada segi jumlah dan nilai wang pengurangan yang sebenar adalah nyata bahawa golongan yang berada adalah lebih beruntung jika dibanding dengan golongan yang tidak berada.

Jumlah pengurangan sebanyak \$42.00 atau lebih kurang tidak mempunyai banyak makna dan tidak akan memberi bantuan kepada golongan berpendapatan rendah.

Adalah sangat ironic bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mengumumkan berita yang kononnya baik berkaitan dengan pengurangan dalam cukai pendapatan perseorangan telah juga terpaksa memberitahu mengenai pertambahan Perbelanjaan Mengurus sebanyak 13% atau \$2,522 juta bagi Belanjawan 1982 di mana sebahagian besar daripada jumlah pertambahan itu adalah untuk tujuan pembayaran khidmat cukai yang kian bertambah. Di samping itu, jumlah hasil Kerajaan Pusat sebanyak \$21,877 juta untuk 1985 hanya dapat menutupi Perbelanjaan Mengurus yang berjumlah \$21,538.

Kerajaan telah mengulang kaji cukai pendapatan perseorangan untuk menambahkan insentif daya pengeluaran, simpanan wang persendirian dan pelaburan. Struktur cukai yang baru itu menunjukkan penerimaan teori, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, supply side economy, bahawa pengurangan cukai akan menggalakkan daya pengeluaran, pelaburan dan simpanan wang. Pada hakikatnya tidak terdapat bukti yang kukuh bahawa pelaksanaan teori ini

akan merangsang pelaburan baru atau mempertingkatkan daya pengeluaran di negara-negara maju. Sebenarnya, beberapa ahli ekonomi telah menyatakan bahawa keanggapan tersebut telah menyumbang pada kurangan Belanjawan yang terbesar di dalam sejarah Amerika Syarikat. Telah dibuktikan bahawa kadar simpanan adalah jauh melebihi kadar pelaburan di negara kita. Kajian-kajian telah menunjukkan bahawa untuk tempoh 1967 hingga 1980 pada keseluruhannya, jumlah simpanan wang adalah melebihi pelaburan sebanyak 18% di mana jumlah wang negara kita berjumlah \$94.3 billion, sementara pelaburan berjumlah \$77.3 billion. Penyukatan mengikut nisbah Keluaran Dalam Negeri Kasar menunjukkan bahawa nisbah simpanan wang adalah 23.1% untuk tempoh 1987 hingga 1973. Sementara nisbah pelaburan adalah 19.3%. Untuk tempoh tahun-tahun 1974 ke 1980, nisbah simpanan wang telah bertambah kepada 31% dan nisbah pelaburan kepada 25.3%. Angka-angka tersebut di atas membuktikan bahawa pertumbuhan dalam simpanan wang tidak semestinya menghasilkan pelaburan yang baru. Kekurangan modal untuk melabur tidak merupakan faktor yang menyumbang kepada kadar pertumbuhan pelaburan yang tidak memuaskan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengusulkan supaya cukai pendapatan perseorangan dikaji semula sekali lagi berdasarkan hakikat yang telah saya bangkitkan. Bagi golongan berpendapatan rendah yang dikenakan cukai perseorangan sekurang-kurangnya pendapatan terendah yang dikenakan cukai hendaklah dipertingkatkan daripada \$5,000 setahun kepada \$10,000 setahun. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.15 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, baru hari inilah saya dengar Wakil dari Kepong memberi pandangan yang agak betul sebab sememangnya dari segi Cukai Pendapatan apabila kita cadangkan supaya hanya dikenakan cukai maksima sebanyak 4%, ertinya dari 45% kepada 55% digantikan dengan kadar yang baru maka betul kita akui sememangnya mereka yang berpendapatan tinggi akan mendapat keuntungan yang lebih, itu kita akui, dan bagi mereka yang terletak di dalam senarai ataupun golongan yang membayar cukai 6% dan 9% dikurangkan kepada 5% dan 8% masing-masing sememangnya mendapat keuntungan yang sedikit sebab kekurangannya itu hanya 1% bagi tiap-tiap kategori, itu kita akui adalah benar. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sengaja berbuat demikian kerana dengan cara ini kita berharap mereka yang bersungguh-sungguh menambah pendapatan mereka akan bekerja lebih kuat lagi. Ertinya, mereka ini mempunyai insentif tertentu untuk menambahkan pendapatan, sebab tidak kira berapa banyak pendapatan yang diperolehi, Cukai Pendapatannya hanya setakat 40% sahaja seperti yang dicadangkan di dalam pindaan yang baru yang dikemukakan ini.

Selain daripada itu juga di dalam mengirakan keuntungan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi, kalau sekiranya kita sebagai seseorang yang berpendapatan rendah yang membayar Cukai Pendapatan, katalah, setakat 6% yang dicadangkan dikurangkan kepada 5% ataupun 9% dikurangkan kepada 8%, maka kita tidak harus iri hati kepada mereka yang dapat kurang cukai pendapatan dia daripada 55% kepada 40%. Yang sepatutnya kita pertimbangkan keuntungan yang kita

perolehi. Kalau kita memikirkan keuntungan yang orang lain dapati, itu tamak namanya ataupun dengki namanya. Jadi, kita sepatutnya bersikap sedemikian. Dalam pada itu juga kita sengaja di dalam cukai ini seperti yang kita tahu mereka yang berpendapatan rendah memangnya tidak membayar sebarang cukai. Kita tidak misalnya mengurangkan had minima untuk membayar cukai, masih lagi tetap pada di paras yang lama. Ertinya, kita tidak menyusahkan mereka yang berpendapatan rendah. Jadi, kita harap jugalah, kita harap sangatlah supaya kelebihan ataupun kemudahan-kemudahan yang diberi kepada orang yang berusaha mencari menambah pendapatan ini tidak dianggap ataupun tidak dikira sebagai rugi kepada mereka yang berpendapatan rendah. Rugi ertinya dalam bahasa Melayu, kalau kita kehilangan, itu baru rugi. Tetapi kita tidak kehilangan, tidak timbul masalah rugi. Orang lain dapat lebih untung, kita tidak rugi. Kita tidak kurang dari segi keuntungan kita, itu bukan kita rugi, masih lagi kita seperti biasa. Cuma orang lain yang berpendapatan tinggi agak lebih sedikit pelepasan yang diberi melalui pindaan yang dicadangkan ini, pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya tidak begitu banyak sangat mereka yang kini membayar Cukai Pendapatan lebih daripada 40%, bilangannya paling agak kecil. Sebab di negara kita ini terdapat dua setidak-setidaknya cara Cukai Pendapatan, satu Cukai Pendapatan Persendirian, ertinya daripada gaji dan juga Cukai Pendapatan melalui syarikat. Seorang yang mempunyai pendapatan yang tinggi, kecuali barangkali mereka itu seorang wage eaner, katalah seorang eksikatif misalnya. Kalau sekiranya dia membayar cukai lebih daripada 40% dan banyak peratus terpaksa

dibayar sampai 45, 50 dan 55, seseorang itu boleh lari daripada Cukai Pendapatan Persendirian dengan menubuhkan syarikat. Apabila dia menubuhkan syarikat, dia masih tertakluk kepada cukai di bawah syarikat yang kena hanya 40%. Jadi, ertinya boleh juga seorang itu kalau hendak lari Cukai Pendapatan membayarnya melalui Cukai Syarikat. Jadi, tidak timbul juga soal 55% ini.

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*)

**Datuk Sabbaruddin Chik:** Dia hendak minta jalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia hendak minta jalan.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan konsep kita tidak patut iri hati, tidak patut dengki, cemburu, kita tidak patut berharap dengan subsidi, mentality subsidi ini hendak dihapuskan di negara ini, itu saya bersetuju. Tetapi yang saya hendak menekankan di sini ialah adakah Yang Berhormat sedar bahawa kecenderungan kebanyakan orang di Malaysia untuk membelanja wang daripada menyimpan. Kecenderungan belanja ini daripada menyimpan. Kecenderungan untuk menyimpan lebih daripada kecenderungan untuk melabur, itulah satu hakikat yang saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab bagaimana perubahan struktur cukai yang patut dibuat. Cuma saya mencadangkan bukan begitu dengan kadar yang tidak begitu banyak.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedang menerangkan bahawa cukai yang dicadangkan daripada 55% kepada 40% maksima yang mana di dalam ucapan permulaannya Yang Berhormat dari Kepong tadi mengatakan dengan cara sedemikian jurang perbezaan yang berpendapatan rendah dengan

pendapatan tinggi bertambah besar, itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kepong. Saya hendak mengatakan bahawa penurunan kadar cukai dari 55% kepada 40% itu tidak banyak perbezaannya sebab seperti saya katakan tadi seorang yang membayar 55% itu pertamanya orang yang membayar 55% sekarang ini tidak ramai. Yang kedua, ada yang mereka sepatutnya boleh sampai ke tahap 55% tetapi boleh juga membuat cara-cara tertentu dengan menubuhkan syarikat-syarikat dan cukai pendapatan dibayar melalui syarikat-syarikat itu juga ertinya membayar 40% kerana dia boleh membayar melalui syarikat-syarikatnya. Jadi, saya hendak maksudkan sebenarnya ini lebih merupakan satu cadangan dari segi hakikat sebenarnya tidak melibatkan terlalu ramai orang. Sebab, kalau sekiranya seseorang itu mempunyai pendapatan yang sampai kepada 55% ditubuhkan syarikat. Apabila ditubuhkan syarikat cukai pendapatannya dia bayar melalui syarikat sampai 40%, itu yang saya hendak katakan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya tidak ada sedikit pun menyentuh dari segi penyimpanan, dari segi daya usaha melabur sebagainya, saya tidak menyentuh tentang perkara itu. Tetapi barangkali bahasa saya tidak difahami, saya tidak faham. Saya cakap slow sahaja supaya dia faham tetapi barangkali dia cakap fasal lain juga. Saya tidak mengertilah apa hendak buat. Jadi iaitu, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Dr Tan Seng Giaw:** (*Bangun*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dia bangun pula.

**Datuk Sabbaruddin Chik:** Biarlah.

**Dr Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedia menerima cadangan saya untuk bagi golongan yang berpendapatan rendah

yang dikenakan cukai perseorangan sekurang-kurangnya pendapatan terendah yang dikenakan cukai hendaklah dipertingkatkan daripada \$5,000 setahun kepada \$10,000 setahun. Dan sekiranya perubahan di dalam struktur cukai ini tidak mendatangkan manfaat ataupun hasil yang diharapkan oleh Kerajaan, apakah cadangan Kerajaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri belum pun menjawab di atas perkara itu. Jika demikian tidak patutlah diadakan penjelasan. Sila teruskan.

**Datuk Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, dia sudah tanya saya jawablah. Saya memang tidak bersetuju, kalau saya bersetuju sudah cadangkanlah. Memang sahaja tidak bersetuju kalau sudah bersetuju kita sudah timbulkan perkara ini, kita masuk ke dalam pembentangan Budget—pembentangan Anggaran. Ini pula sudah dicadangkan oleh pihak DAP lagi kita tidak bersetujunya. Kalau ada niat hendak buat pun terus tidak jadi hendak buat. Sebab tidak nampak langsung mengapa kita mesti berbuat demikian, buat sementara ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kalau pun kita buat di masa-masa hadapan bukan sebab cadangan wakil dari Kepong. Kalau kita buat kerana kita mahu buat. Jadi, soalan bersetuju tidak bersetuju memang tidak bersetuju terus. Selagi Yang Berhormat dari Kepong itu—dari DAP kita tidak akan bersetuju. Jadi, itulah sahaja saya rasa saya hendak katakan di dalam menggulung ini, Tuan Yang di-Pertua. Perkara-perkara lain saya tidak ada apa lagi yang hendak disebutkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibaca kali kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bercadang hendak habiskan ini ataupun hendak sambung esok? Jikalau sekiranya cadangan hendak menghabiskan Rang Undang-undang ini pada petang ini silalah mengadakan satu usul supaya Majlis ini tidak ditangguhkan sehingga habis perbincangan di atas Rang Undang-undang ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai bahasan di atas Rang Undang-undang Kewangan 1984.

**Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Majlis ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga selesai bahasan di atas Rang Undang-undang Kewangan 1984.

## RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN, 1984

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Perbahasan disambung semula

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *memperkerusikan* Jawatankuasa)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

### *Fasal 7—*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 7 dalam teks Bahasa Malaysia dan teks bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

*Fasal 7:* Masukkan perkataan-perkataan “serviced by a national carrier of Malaysia” di antara perkataan-perkataan “destination” dan “along” yang terdapat di baris 13.

*Clause 7:* Insert the words “serviced by a national carrier of Malaysia” between the words “destination” and “along” appearing in line 13.

Pindaan ini adalah merupakan pindaan gubalan sahaja dengan tujuan untuk memberi keterangan yang lebih jelas lagi kepada tujuan Fasal-fasal ini.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 7 seperti dipinda sekarang ini terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 7 seperti dipinda hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 7* sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 8* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

### *Fasal 9—*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, di sini juga saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 9 dalam teks Bahasa Malaysia dan teks bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

*Fasal 9:* (a) Gantikan perkataan-perkataan “rules and regulations” yang terdapat di baris 17 dan 18 dengan perkataan-perkataan “regulations to be published in the Gazette”;

(b) Potong perkataan-perkataan “rules” yang terdapat di baris 22.

*Clause 9:* (a) Substitute for the words “rules and regulations” appearing in line 17 dan 18 the words “regulations to be published in the Gazette”;

(b) Delete the words “rules” appearing in line 22.

Tuan Pengerusi, pindaan ini juga adalah merupakan satu pindaan gubalan bagi menerangkan Fasal ini dengan lebih jelas lagi.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 9 seperti dipinda terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 9 seperti dipinda hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 9* Sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang.

*Fasal 10—*

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, saya juga mohon mencadangkan bahawa Fasal 10 (c) dalam teks Bahasa Malaysia dan teks bahasa Inggeris dipinda seperti berikut:

*Fasal 10 (c):* Gantikan perkataan-perkataan “(other than a motor vehicle licensed or permitted, by the appropriate authority, for commercial transportation of goods or passengers such as lorry, truck, bus, mini bus, van, station wagon or taxi cab)” dengan perkataan-perkataan “(other than a lorry, truck, bus, mini bus, van, station wagon or tax cab licensed or permitted, by the appropriate authority, for commercial transportation of goods or passengers)”.

*Clause 10 (c):* Substitute for the words “(other than a motor vehicle licensed or permitted, by the appropriate authority, for commercial transportation of

goods or passengers such as lorry, truck, bus, mini bus, van, station wagon or taxi cab)” the words “(other than a lorry, truck, bus, mini bus, van, station wagon or taxi cab licensed or permitted, by the appropriate authority, for commercial transportation of goods or passengers)”.

Tuan Pengerusi, ini adalah juga satu pindaan gubalan bagi menerangkan Fasal ini dengan lebih jelas lagi supaya tidak timbul sebarang kekeliruan berkaitan dengan Fasal ini.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa Fasal 10 (c) seperti dipinda terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa Fasal 10 (c) seperti dipinda hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

*Fasal 10* sebagaimana yang dipinda diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 11 hingga 63* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga lusa, hari Khamis, 6hb Disember, 1984 jam 2.30 petang.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.42 petang.*